

**KAJIAN JEJAK WARISAN YANG TERDAPAT DI DAERAH BACHOK,
KELANTAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI MASYARAKAT
SETEMPAT**

NUR HAZWANA BINTI AMRAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN JEJAK WARISAN YANG TERDAPAT DI DAERAH BACHOK,
KELANTAN YANG MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI MASYARAKAT
SETEMPAT**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR HAZWANA BINTI AMRAN

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

MALAYSIA

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut.

1. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajaran sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Pelajar




Nama Pelajar: NUR HAZWANA BINTI AMRAN

No. Kad Pengenalan: 991102-14-6554

Tarikh: 16 Februari 2023

Tandatangan Penyelia



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah

Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

Beg Berkunci No. 01

16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Assalamualikum dan salam sejahtera,

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat juga saya menyempurnakan projek penyelidikan ini pada waktu yang telah ditetapkan meskipun terdapat beberapa kekangan yang perlu ditempuhi dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan, tunjuk ajar, bantuan serta sokongan sepanjang menjalankan kajian ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang secara tidak langsung telah memberikan sokongan moral dan fizikal serta memberikan dorongan semangat agar saya tidak berputus asa untuk menyelesaikan kajian penyelidikan ini. Terima kasih sekali lagi kepada ibu bapa yang telah menyediakan segala keperluan dan memberi bantuan agar kajian ini berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Akhir kata, saya ingin berterima kasih kepada rakan-rakan yang sentiasa memberikan bantuan ketika saya menghadapi kesulitan dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Sebelum saya mengundurkan diri, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan dan kepada pihak secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Semoga setiap bantuan dan kerjasama yang diberikan mampu menyumbang ilmu kepada dunia sejarah dan warisan di Malaysia.

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Kajian Jejak Warisan yang Terdapat di Daerah Bachok, Kelantan yang Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat. Kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengetahui kawasan-kawasan yang menjadi suatu jejak atau laluan yang membawa pengunjung ke kawasan yang memiliki unsur warisan. Tapak jejak warisan ini menjadikan sesuatu kawasan itu mempunyai potensi untuk dijadikan tapak warisan yang berasaskan pelancongan. Berdasarkan kajian ini, terdapat permasalahan kajian yang wujud. Antaranya ialah seperti apakah kawasan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, apakah potensi pelancongan kawasan jejak warisan dan bagaimana kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini mampu memberikan kesan ekonomi masyarakat setempat di daerah itu. Selain itu, objektif kajian penyelidikan ini adalah yang pertama ia untuk mengenalpasti jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, mengenalpasti potensi pelancongan yang ada di kawasan jejak warisan di daerah Bachok serta mengetahui kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap kawasan jejak warisan. Seterusnya, penulisan ini juga adalah merangkumi data-data soal selidik dan temu bual daripada responden untuk memperkukuhkan lagi penyelidikan ini. Pada akhir bab ini, pengkaji telah menyimpulkan bahawa terdapat banyak kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini yang pengunjung tidak mengetahui. Oleh itu, pemeliharaan kawasan jejak warisan perlu dilakukan agar dapat menjaga nilai warisan yang ada.

Kata Kunci: Daerah Bachok, ekonomi, jejak warisan, Kelantan, masyarakat setempat, unsur warisan

ABSTRACT

This research project is a study on the "Study of Heritage Traces in Bachok District, Kelantan that Impact the Economy of the Local Community." This study was carried out with the aim of finding out the areas that become a trail or path that leads visitors to areas that have heritage elements. This heritage footprint makes an area have the potential to be a tourism-based heritage site. Based on this study, there are research problems that exist. Among them is what the heritage trail area is like in the Bachok district, what is the tourism potential of the heritage trail area and how the heritage trail area in the Bachok district is able to have an economic impact on the local community in the district. In addition, the objective of this research study is the first to identify the heritage traces found in Bachok district, identify the tourism potential in the heritage trace area in Bachok district as well as to know the economic impact of the local community on the heritage trace area. Next, this writing also includes questionnaire data and interviews from respondents to further strengthen this research. At the end of this chapter, the researcher has concluded that there are many heritage trail areas in Bachok district that visitors do not know about. Therefore, the preservation of the heritage trail area needs to be done in order to preserve the existing heritage value.

Keywords: Bachok District, economy, heritage trail, Kelantan, local community, heritage element

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xiii
Bab 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pemasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	7
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Kepentingan Kajian	9
1.8 Penutup	13

Bab 2 Sorotan Kajian

2.1 Pengenalan	14
2.2 Jejak warisan di Malaysia	16
2.3 Potensi Tempat Pelancongan Di Malaysia	20
2.4 Impak Ekonomi Masyarakat Setempat Menerusi Pelancongan	24
2.5 Kaedah Pemeliharaan Di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok	26
2.6 Isu Penjagaan Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok	29
2.7 Penutup	31

Bab 3 Metodologi

3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.2.1 Kaedah Kualitatif	33
3.2.2 Kaedah Kuantitatif	34
3.2.3 Kaedah Pilihan Reka Bentuk Kajian	35
3.3 Instrumen Kajian	35
3.4 Prosedur Pungutan Data	36
3.4.1 Data Primer	36
i. Temubual	37
ii. Soal Selidik	37
3.4.2 Data Sekunder	38
i. Perpustakaan	38
ii. Buku	39

iii. Internet	39
3.5 Kaedah Analisis Data	39
3.5.1 Analisis Data Temu Bual	42
3.5.2 Analisis Data Kepustakaan	42
3.5.3 Analisis Data Tinjauan Menggunakan Borang Soal Selidik	42
3.6 Jangkaan Dapatan Kajian	43
3.7 Penutup	44
Bab 4 Dapatan Kajian	
4.1 Pengenalan	45
4.2 Analisis Demografi Responden	46
4.3 Analisis Dapatan Kajian Mengenai Jejak Warisan Yang Terdapat di Daerah Bachok	
4.3.1 Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok	47
4.3.2 Makanan Tradisional di Bachok	50
4.3.3 Bilangan Populasi Pelancong	52
4.3.4 Keistimewaan Kawasan Jejak Warisan	55
4.3.5 Pelaksanaan Dalam Penjagaan Kawasan Jejak Warisan	58
4.4 Analisis Dapatan Kajian Mengenai Potensi Pelancong Yang Terdapat di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok	
4.4.1 Tersenarai Sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO)	61
4.4.2 Penambahbaikan Fasiliti Kawasan Jejak Warisan	63

4.4.3 Pemuliharaan Kawasan Jejak Warisan	66
4.4.4 Peruntukan Dalam Penyelenggaraan Kawasan	68
Jejak Warisan	
4.4.5 Promosi Kawasan Jejak Warisan	70
4.5 Kesan Ekonomi Masyarakat Setempat Terhadap	
Jejak Warisan Yang Ada di Daerah Bachok	
4.5.1 Analisis Dapatan Responden	72
4.5.2 Demografi Responden Berdasarkan Jantina	73
4.5.3 Demografi Responden Berdasarkan Umur	74
4.5.4 Demografi Responden Berdasarkan Bangsa	75
4.5.5 Demografi Responden Berdasarkan Status	76
4.5.6 Demografi Responden Berdasarkan	78
Taraf Pendidikan	
4.5.7 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	79
4.5.8 Aktiviti Pelancongan Kawasan Jejak Warisan di	81
Daerah Bachok	
4.5.9 Kelebihan Kawasan Pelancongan	82
4.5.10 Kegiatan Sumbangan Pelancongan	83
4.5.11 Kedatangan Pelancong Meningkatkan	85
Pendapatan Komuniti Setempat	
4.5.12 Peluang Pekerjaan Kepada Komuniti Setempat	86
4.5.13 Produk Ekopelancongan Menjadi	89
Tarikan Utama Pelancong	
4.5.14 Kemudahan Pengangkutan dan Penginapan	90
Kepada Pelancong	

4.5.15 Produk Pelancongan Warisan Yang Unik	91
4.5.16 Nilai Sejarah Pada Setiap Kawasan Pelancongan	93
4.5.17 Produk Kraftangan Faktor Sumbangan Dalam Peningkatan Pendapatan Komuniti	95
4.6 Penutup	97
Bab 5 Perbincangan, Rumusan dan Cadangan	
5.1 Pengenalan	99
5.2 Perbincangan Mengenai Jejak Warisan Yang Terdapat Di Daerah Bachok	100
5.3 Perbincangan Mengenai Potensi Yang Terdapat di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok	101
5.4 Perbincangan Mengenai Kesan Ekonomi Masyarakat Setempat Terhadap Jejak Warisan Yang Ada di Daerah Bachok	102
5.5 Rumusan	103
5.6 Cadangan	104
5.7 Penutup	107
Rujukan	109
Lampiran	114

SENARAI RAJAH

NO	HALAMAN
Rajah 1.1 Keluasan Daerah dan Bilangan Mukim Bachok, Kelantan	3
Rajah 1.2 Peta Kawasan Daerah Bachok, Kelantan	9
Rajah 2.1 Kawasan Daerah Jajahan Bachok, Kelantan	19
Rajah 2.2 Peta Pelancongan di Daerah Bachok, Kelantan	20
Rajah 2.3 Pantai Melawi, Bachok Kelantan	21
Rajah 2.4 Kuil Wat Phothikyan Putthaktham, Bachok, Kelantan	22
Rajah 2.5 Akok Pok Long	23
Rajah 4.1 Akademi Nik Rashiddin	48
Rajah 4.2 Pantai Kemayang	48
Rajah 4.3 Pantai Kandis	49
Rajah 4.4 Kuala Kubu Gel	50
Rajah 4.5 Gula Melaka	51
Rajah 4.6 Pantai Melawi	54
Rajah 4.7 Pantai Irama	55
Rajah 4.8 Penambahan Fasiliti di Kuala Kubu Gel	57
Rajah 4.9 Atap Singgora	57
Rajah 4.10 Deretan Pokok Rhu di Pantai Senok	58
Rajah 4.11 Keadaan Persekitaran Pantai Irama	60
Rajah 4.12 Keadaan Persekitaran Pantai Senok	60
Rajah 4.13 Kuala Kubu Gel	63
Rajah 4.14 Fasiliti Yang Terdapat di Kuala Kubu Gel	65

Rajah 4.15 Fasiliti Yang Terdapat di Pantai Irama	66
Rajah 4.16 Iklan Tawaran Tender Kebersihan	67
Rajah 4.17 Papan Tanda di Kuala Kubu Gel	69
Rajah 4.18 Laman Web Rasmi Majlis Daerah Bachok	71
Rajah 4.19 Laman Rasmi Facebook Majlis Daerah Bachok	72
Rajah 4.20 Peratusan Responden Mengikut Jantina	73
Rajah 4.21 Peratusan Responden Mengikut Umur	74
Rajah 4.22 Peratusan Responden Mengikut Bangsa	75
Rajah 4.23 Peratusan Responden Mengikut Status	77
Rajah 4.24 Peratusan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	78
Rajah 4.25 Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan	79
Rajah 4.26 Peratusan Responden Mengikut Aktiviti Pelancongan di Daerah Bachok ini Mampu Meningkatkan Pendapatan Penduduk Setempat.	81
Rajah 4.27 Peratusan Responden Mengikut Kawasan Pelancongan Yang Strategik Dapat Memberikan Kelebihan Kepada Penduduk Setempat Untuk Menjalankan Aktiviti Jual Beli	82
Rajah 4.28 Kawasan Gerai Makan di Pantai Kemasin	83
Rajah 4.29 Peratusan Responden Mengikut Kawasan Pantai Yang Terdapat di Daerah Bachok ini Menyumbang Kepada Peningkatan Kegiatan Pelancongan.	83
Rajah 4.30 Pantai Senok	84
Rajah 4.31 Peratusan Responden Mengikut Kedatangan Pelancong Dalam Negara dan Luar Negara Dapat Meningkatkan Pendapatan Komuniti di Sekitar Daerah Bachok.	85
Rajah 4.32 Peratusan Responden Mengikut Industri Pelancongan Yang Terdapat di Bachok Dapat Menyediakan Peluang Pekerjaan Kepada Komuniti Setempat.	86
Rajah 4.33 Gerai yang Terdapat di Pantai Senok	87
Rajah 4.34 Aktiviti Perniagaan di Pantai Irama	88
Rajah 4.35 Premis Perniagaan di Pantai Melawi	88

Rajah 4.36 Peratusan Responden Mengikut Produk Ekopelancongan Yang Terdapat di Bachok Menjadi Tarikan Utama Kepada Pelancong Untuk Melancong.	89
Rajah 4.37 Peratusan Responden Mengikut Kemudahan Pengangkutan dan Penginapan Yang Disediakan Kepada Pelancong Dapat Meningkatkan Pendapatan Komuniti Setempat.	90
Rajah 4.38 Peratusan Responden Mengikut Produk Pelancongan Yang Unik Dapat Membuatkan Pelancong Memilih Untuk Berkunjung ke Bachok.	91
Rajah 4.39 Peratusan Responde Mengikut Nilai Sejarah Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pelancongan di Bachok ini Menjadi Punca Utama Pelancong Memilih Untuk Melancong Ke Bachok	93
Rajah 4.40 Bukit Marak	94
Rajah 4.41 Kuala Kubu Gel	95
Rajah 4.42 Peratusan Responden Mengikut Produk Kraftangan Yang Dihasilkan oleh Penduduk Setempat Juga Menjadi Salah Satu Faktor Sumbangan Dalam Peningkatan Pendapatan Komuniti di Bachok.	95
Rajah 4.43 Kraftangan yang Terdapat di Akademi Nik Rashiddin	96

SENARAI JADUAL

NO	HALAMAN
Jadual 3.1 Kaedah Analisis Data	41
Jadual 4.1 Latar Belakang Responden Kajian	46
Jadual 4.5.1 Taburan Responden Mengikut Jantina	73
Jadual 4.5.2 Taburan Responden Mengikut Umur	74
Jadual 4.5.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa	75
Jadual 4.5.4 Taburan Responden Mengikut Status	76
Jadual 4.5.5 Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	78
Jadual 4.5.6 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan	80

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan


Jejak warisan ialah suatu jejak atau laluan yang telah ditetapkan yang dimana laluan ini akan membawa pengunjung ke laluan serta memahami sejarah di kawasan itu, ada juga berkaitan dengan warisan semula jadi dan budaya kawasan yang memiliki unsur warisan. (Lai Sin Yee, 2009). Pengunjung selalunya akan mempunyai brosur untuk memberikan arah atau menunjukkan laluan peta serta titik perhentian yang mempunyai elemen warisan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan lokasi tersebut. Selalunya kawasan jejak warisan ini memiliki atau telah menyediakan papan tanda atau kemudahan untuk menjadi jalan sepanjang laluan itu. Jejak warisan ini adalah salah satu cara untuk menjadikan sesuatu kawasan itu mempunyai potensi untuk dijadikan tapak warisan dan pelancongan. Ia juga merupakan satu alat dalam aktiviti promosi pelancongan. Pembentukan kawasan atau tempat jejak warisan akan dinilai melalui potensi yang ada di kawasan itu serta tujuan yang ada untuk pelancong terokai. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), pelancongan bermaksud hal-hal mengenai urusan melancong atau perbuatan melancong atau perjalanan untuk bersenang-senang atau untuk melihat-lihat. Dalam erti lain, pelancongan dalam Bahasa Inggeris didefinisikan sebagai “tourism” manakala melancong didefinisikan sebagai “travel” atau “journey”.

Projek Jejak Warisan di daerah Bachok merupakan satu inisiatif yang membantu untuk memacukan industri pelancongan di daerah Bachok, Kelantan yang dimana dipengelola di bawah Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDBBPI) dan Pejabat Tanah Jajahan Bachok (PTJB). Jejak warisan ini merupakan satu aktiviti yang membolehkan pelancong mengenali lebih mendalam tentang kawasan-kawasan yang mempunyai tarikan produk warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan. Jejak warisan ini akan menggambarkan tentang tempat yang dimana memiliki produk warisan di daerah Bachok yang kurang mengetahui keberadaan produk warisan itu sebagai sebuah pusat pelancongan. Dalam hal ini, projek jejak warisan di daerah Bachok ini merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan pengetahuan umum tentang jajahan Bachok di peringkat dalam negara dan luar negara sebagai “Bandar Pelancongan Islam” yang menjadikan negeri ini memiliki produk warisan yang unik serta dapat menjana pendapatan dan ekonomi bagi penduduk jajahan Bachok.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Kelantan memiliki 10 jajahan yang dibawah pentadbiran negeri Kelantan iaitu Kota Bahru, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Puteh, Bachok, Kuala Krai, Machang, Tanah Merah, Jeli dan Gua Musang. Pada 22 Muharam 1409 bersamaan 4 September 1988, jajahan Bachok ini telah rasmi ditubuh yang telah disempurnakan oleh ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra Ibni Al- Marhum Sultan Yahya Putera. Jajahan Bachok terbahagi kepada 8 buah daerah iaitu daerah Bekelam, Gunong, Mahligai, Perupok, Melawi, Telong, Tanjung Pauh dan Tawang. Jajahan Bachok ini memilik keluasan yang lebih besar antara 264.64 km persegi serta mempunyai pinggir pantai yang sepanjang 32 km.

Bachok ini terletak di kawasan yang strategik yang dimana ia berada di bahagian Timur Laut Negeri Kelantan yang bersebelah dengan Laut China Selatan, pada bahagian Utara dan Barat mempunyai jajahan Kota Bahru dan bahagian Selatan ia mempunyai jajahan Pasir Puteh. Sinonim dengan jajahan Bachok ini yang sangat terkenal dengan kawasan persisiran pantai dan kebanyakan di kawasan Bachok ini adanya perkampungan nelayan. Perkataan Bachok ini ia memiliki sejarah tersendiri yang mana ia mempunyai dua perkataan yang berbeza iaitu *ban* dan *chak*. *Ban* bermaksud kampung manakala *chak* bermaksud Nipah.



Rajah 1.1 Keluasan Daerah dan Bilangan Mukim Bachok, Kelantan

Sumber: Google (<https://ptjb.kelantan.gov.my/index.php/en/profail/latar-belakang-jajahan>, 10 December 2018)

Pelancongan merupakan salah satu sektor yang sangat terpenting dalam menjana pendapatan dan pertumbuhan bagi ekonomi sesuatu negara. Bentuk muka bumi bagi sesuatu kawasan memainkan peranan yang penting bagi menjadikan kawasan tersebut sebagai sebuah kawasan pelancongan. Malaysia sangat kaya dengan keunikan sumber alam semulajadi yang indah dengan keunikan flora dan fauna yang pelbagai rupa.

Salah satu keunikan yang masih terpelihara yang membuatkan pelancong sering menikmati keindahan alam adalah persisiran pantai. Keadaan persisiran pantai yang indah dan menyamankan ini akan menjadi salah satu aset yang terpenting di sesebuah negara dalam usaha untuk menarik pelancong tempatan dan luar negara data mengunjung. Kebanyakan kawasan persisiran pantai yang wujud di Malaysia adalah di negeri Kelantan. Di daerah Bachok terkenal dengan pelbagai pantai yang menarik perhatian pelancong seperti Pantai Irama, Pantai Melawi, Pantai Senok dan banyak lagi. Pelancongan persisiran pantai yang banyak membantu dalam meningkatkan ekonomi bagi masyarakat setempat untuk menjalankan aktiviti jual beli. Sekaligus ia membantu dalam meningkatkan pendapatan negara dan juga negeri tersebut. Selain itu, di negeri Kelantan juga kaya akan keunikan makanan tradisional yang melambangkan keunikan negeri tersebut. Di daerah Bachok kebanyakan ia juga popular dengan keunikan makanan seperti akok Pok Long yang bertempat di Kampung Peringat, Melor di Kelantan. Keunikan makanan tradisional seperti akok ini sangat terkenal di negeri Kelantan yang dimanaia dijadikan makanan tradisional yang hanya berada di Kelantan sahaja. Oleh itu, keunikan yang ada ini dapat membangunkan kawasan daerah Bachok ini yang memiliki potensi sebagai satu tempat pusat pelancongan yang unggul di masa kini dan hadapan.

Kawasan daerah di Bachok ini memiliki keunikan yang melambangkan sesuatu yang menunjukkan keunikkan warisan produk serta tempat di Negeri Kelantan yang dikenali sebagai Bandar Pelancongan Islam. Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji akan menyelidik skop yang berkaitan dengan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok yang memberikan kesan ekonomi masyarakat setempat.

1.3 Pemasalahan Kajian

Melalui kajian yang dijalankan ini terdapat beberapa pemasalahan kajian yang telah dikesan oleh pengkaji. Dalam pemasalahan kajian yang pengkaji dapati Dalam pemasalahan kajian yang pengkaji dapati untuk menjalankan kajian ke atas jejak warisan di daerah Bachok adalah untuk mengenalpasti potensi yang terdapat di kawasan jejak warisan di daerah Bachok. Ini kerana, kawasan yang terdapat di daerah Bachok ini memiliki banyak kawasan yang boleh menjadi potensi untuk dijadikan pusat pelancongan yang masyarakat tidak ketahui kewujudan tempat tersebut. Ini kerana secara umumnya lapisan masyarakat dalam membangunkan daerah Bachok sebagai kawasan pelancongan warisan yang dapat memberikan keuntungan kepada pembangunan negara dari segi ekonomi. Menurut Paul Box (1999), menggalakkan penyertaan orang awam atau komuniti dalam pemeliharaan sumber jaya warisan. Ini kerana segelintir masyarakat beranggapan produk-produk warisan ini tidak mendatangkan keuntungan pada masa hadapan.

Kesedaran komuniti adalah amat rendah terhadap kepentingan sumber jaya warisan yang ada. Ini menimbulkan kerisauan kepada pihak pengurusan yang dapat merangka pelan-pelan perlindungan. Oleh itu, usaha-usaha bagi meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan warisan sumber jaya warisan yang melalui bantuan masyarakat perlu dilakukan untuk menyokong usaha yang dibuat dalam pelan perlindungan. Selanjutnya, bagi pemasalahan yang kedua, dalam kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat sekitar Bachok untuk mengambil peluang dalam mengendalikan perniagaan berkaitan dengan produk warisan atau sekitar kawasan warisan tersebut untuk meningkatkan pendapat mereka. Menurut Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon (2021), menyatakan dalam jurnal beliau yang bertajuk “Impak Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar” adalah

perkembangan industri pelancongan di sesebuah kawasan dapat memberikan impak positif ekonomi. Ia juga dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk sekitar itu terutamanya dalam penglibatan masyarakat setempat. Sektor pelancongan ini antara salah satu penyumbang utama kepada ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan serta dapat memperluaskan jaringan perniagaan (Noor Azrina Ithin, 2008). Ini kerana, aktiviti pelancongan ini memainkan peranan penting bagi sesebuah tempat itu untuk meningkatkan pendapatan masyarakat di sekeliling itu untuk mempromosikan kawasan yang berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan. Oleh itu, masyarakat di daerah Bachok ini salah satu subjek yang memainkan peranan untuk mengendalikan aktiviti perniagaan disekeliling kawasan yang mempunyai produk warisan.

Seterusnya, permasalahan yang terdapat dalam kajian ini adalah dalam memuliharkan kawasan dan tempat bersejarah atau warisan dalam negara ia memerlukan peruntukan khas bagi memulihara kawasan tersebut agar kawasan atau tempat tersebut terpelihara sebagai artifak dan aset sejarah negara yang bernilai (Roslinda Hashim, 2021). Kekurangan dana atau peruntukan ini menyebabkan kawasan atau produk warisan itu tidak dapat dipulihara dengan baik. Peruntukan khas ini memainkan peranan untuk menjaga dan mengawal selia tempat tersebut serta struktur sejarah. Maka, dalam pemuliharaan yang dilakukan memerlukan kos pemuliharaan yang tinggi dan dilakukan secara berkala untuk mengurangkan kerosakan daripada kesan-kesan persekitaran. Kekurangan penyediaan peruntukan dana ini adalah salah satu permasalahan yang perlu ditanggung untuk menaiktarafkan kawasan dan produk warisan ini serta tidak dapat dipulihara dengan baik dan menyebabkan kerosakan yang dimamah usia.

1.3 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini memerlukan pengkaji untuk meneliti setiap masalah yang perlu diselesaikan melalui kajian kes ini. Oleh itu, persoalan kajian perlu diletakkan dalam projek penyelidikan ini bagi memastikan permasalahan kajian ini terjawab dengan menjalankan kajian terhadap permasalahan tersebut. Pengkaji mendapati beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan bagi mencapai objektif kajian. Antara persoalan kajian ialah:


1. Apakah jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok?
2. Apakah potensi pelancongan yang terdapat di kawasan jejak warisan di daerah Bachok?
3. Bagaimanakah kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap jejak warisan yang ada di daerah Bachok?

1.4 Objektif Kajian

- I. Mengenalpasti jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok.
- II. Mengenalpasti potensi pelancongan yang terdapat di kawasan jejak warisan di daerah Bachok.
- III. Mengetahui kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap jejak warisan yang ada di daerah Bachok.

1.5 Skop Kajian

Dalam bahagian skop penyelidikan ini, pengkaji lebih mengfokuskan kepada kajian yang berkaitan tentang kawasan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yangdimana kawasan yang mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan di daerah itu. Seterusnya, skop kajian ini juga lebih mengfokuskan kepada kawasan atau tempat yang memiliki produk warisan di sekitar Bachok yang boleh menjadikan kawasan di sekitar ini mempromosikan produk warisan negeri Kelantan di dalam negara dan luar negara. Antara perkara lain yang dibincangkan di dalam projek penyelidikan ini adalah mengenalpasti mengenai potensi yang terdapat di kawasan jejak warisan di daerah Bachok serta ia mengfokuskan tentang mengetahui kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap jejak warisan yang ada di daerah Bachok. Skop kajian dapat melihat kesan ekonomi yang positif dapat diberikan kepada negara serta dapat mengenalpasti perubahan ekonomi masyarakat di sekitar kawasan kajian tersebut. Hal ini kajian ini lebih mengfokuskan pada kawasan daerah Bachok yang memiliki produk warisan atau kawasan warisan yang berpotensi untuk dibangunkan dan menjadikan sebuah kawasan jejak warisan untuk memudahkan pelancong dalam mahupun luar negara untuk menghayati sejarah dan nilai warisan di kawasan tersebut.



Rajah 1.2: Peta Kawasan Daerah Bachok

Sumber: Google

(<https://www.google.com/maps/search/daerah+bachok/@5.9903384,102.325767,12z/data=!5m2!1e1!1e4>, 10 Disember 2018)

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan satu gambaran yang sebenar tentang kajian yang berkaitan dengan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yang memberikan kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Hasil kajian ini juga akan memberikan gambaran serta panduan untuk meneliti kawasan atau tempat yang memiliki produk warisan yang boleh dijadikan sebagai tempat pusat pelancongan bagi pelancong dalam negara dan luar negara. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan seperti Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam (MDBBPI) dan Pejabat Tanah Jajahan Bachok (PTJB) untuk mengambil langkah menaiktarafkan kawasan jejak warisan sebagai salah satu tempat yang menjadi tarikan para pelancong serta meningkatkan taraf pendapatan ekonomi kepada masyarakat. Kajian warisan mengenai “Kajian Jejak Warisan yang terdapat di

Daerah Bachok, Kelantan yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat” untuk memberikan pendedahan atau pengetahuan kepada individu, masyarakat, negara, ekonomi dan pendidikan.

Kajian ini memberikan kepentingan kepada individu. Kajian ini dapat memberikan pengetahuan atau pendedahan kepada individu secara mendalam tentang pelancongan berasaskan jejak warisan di daerah Bachok. Hal ini kerana, kajian ini lebih tertumpu kepada kawasan di daerah Bachok yang melibatkan komuniti setempat terhadap jejak warisan di Bachok. Oleh itu, pendedahan terhadap kajian ini akan membantu individu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan kepada seseorang individu untuk mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan. Menurut Siti Kasmara Ariffin, Habibah Ahmad, et al (2016), ia menyatakan bahawa pelancongan pendidikan ini merupakan salah satu cara untuk seseorang dapat pengetahuan dalam pelancongan dan turut untuk memperkayakan pengetahuan dan menaikkan produk pelancongan bagi industri pelancongan tempatan. Hal ini selari dengan untuk mendapatkan pengetahuan jurus sebagai salah satu alat untuk meningkatkan pelancongan di dalam negara.

Selain itu, kepentingan kajian yang boleh didapati melalui kajian penyelidikan ini kepada masyarakat. Ini kerana jelas dapat bahawa jejak warisan ini mampu memberikan keuntungan atau penglibatan masyarakat setempat untuk menjana pendapatan. Sekaligus ia juga membantu kepada masyarakat untuk memberikan peluang mencipta kerjaya disamping untuk meningkatkan daerah Bachok ini sebagai salah satu pusat pelancongan. Oleh itu, masyarakat di daerah tersebut perlu memainkan peranan untuk menjadikan produk-produk warisan di daerah itu dapat diterima umum tidak kira di dalam negara atau luar negara. Menurut Nik Sukry Ramli (2019), dalam

artikel beliau yang bertajuk “3.4 juta peluang pekerjaan disediakan sektor pelancongan” ini menyatakan lebih banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam sektor peancongan melalui Tahun Melawat Malaysia 2020. Hal ini adalah ingin menjadikan sektor pelancongan negara kekal kompetitif dengan dapat menyediakan pekerjaan kepada rakyat tempatan. Melalui pelancaran VM2020 ini ia dapat memberikan banyak peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor pelancongan di negeri Pahang.

Seterusnya, kajian Jejak Warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat ini sekali gus memberikan kepentingan kepada negara. Hal ini kerana kekayaan produk warisan yang terdapat di dalam negara ini dapat membantu sesebuah negara untuk menjadi terkenal oleh kerana produk warisan yang dimiliki ini dapat mencerminkan sesuatu identiti negara tersebut. Hal ini dapat membantu negara dalam mempromosikan dan memperkenalkan produk pelancongan tersebut ke persada dunia. Menurut Madiha Abdullah (2019), dalam artikel beliau yang bertajuk “ ‘Selangor Royal Trail inisiatif Tourism Selangor promosi pelancongan sejarah” menunjukkan kepekaan dengan perkembangan industri pelancongan ini dapat memberikan Tourism Malaysia telah mengadakan program “ Selangor Royal Heritage Trail” untuk mengfokuskan kepada kekayaan sejarah dan warisan diraja negeri Selangor meliputi kepada tiga daerah iaitu Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang. Program ini akan menjadi platform bagi pelancong dalam dan luar negara untuk memahami dan menambah pengetahuan berkenaan dalam institusi kesultanan Selangor. Dalam program ini juga ia ingin mempromosikan Istana Alam Shah, Istana Jurga dan Bukit Malawati yang dimana tempat-tempat ini mempunyai nilai tersendiri yang boleh dipromosikan atau dipopularkan kepada pengunjung.

Sektor ekonomi sangat memainkan peranan dalam kepentingan kajian ini kerana penyelidikan yang dilakukan ini mengfokuskan kepada beberapa tempat atau kawasan yang berpotensi tinggi yang memiliki produk warisan yang boleh menjana pendapatan. Hal ini kerana, komuniti di setempat tu akan mendapat impak positif oleh kerana dengan hasil penjualan yang dilakukan bagi mempromosikan produk warisan. Oleh itu, sekali gus ia juga dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat serta negara dalam aktiviti jual beli. Hal ini kerancakkan industri pelancongan telah membantu kepada masyarakat setempat dari segi ekonomi dan juga dapat membantu untuk menambah pendapatan negara melalui pertukaran mata wang asing. Menurut Bernama (2020), dalam artikel ini menerangkan berkaitan Malaysia dapat meningkatkan pendapatan pelancongan sebanyak 2.4% kepada RM86.14 Bilion. Hal ini disebabkan oleh kerana agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ini menunjukkan perbelanjaan pelancong yang banyak menyumbang kepada tiga komponen utama iaitu dalam pelibatan mereka dalam aktiviti membeli-belah, penginapan serta makanan dan minuman.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberikan kepentingan kepada institusi pelancongan. Jejak warisan ini dapat membantu kawasan setempat itu menjadi salah satu kawasan yang menarik serta mampu menjadi salah satu aset negara yang perlu diwarisi serta dapat menghayati dan menjaga nilai warisan yang ada. Melalui kajian ini, institusi pelancongan dapat memperkenalkan kawasan atau produk warisan yang ada kepada pelancong dalam mahupun luar negara bagi mengetahui bahawa di daerah Bachok ini memiliki kawasan atau produk warisan yang patut dibanggakan dan dipelihara dengan baik. Menurut Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Anak Sudin, et. Al (2021), telah menyatakan bahawa industri pelancongan ini merupakan salah satu aktiviti yang boleh memberikan pulangan yang besar kepada sesebuah negara. Oleh itu,

insititusi pelancongan ini memainkan peranan untuk melakukan promosi pemasaran Kuala Lumpur yang lebih giat berbanding di negeri lain. Oleh itu pihak-pihak bertanggungjawab ini memainkan peranan untuk melakukan promosi secara giat dengan disokong oleh institusi pelancongan yang berpengalaman. Promosi ini dilakukan untuk memberikan pengetahuan umum untuk mengenali bangunan-bangunan serta sejarah yang berkaitan dengan Bandaraya Kuala Lumpur.

1.7 Penutup

Dalam bahagian ini, pengkaji menjelaskan secara menyeluruh mengenai kajian yang ingin dijalankan iaitu berkaitan kajian Jejak Warisan yang Terdapat di Daerah Bachok, Kelantan yang Memberikan Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat. Selain itu, pengkaji telah menyatakan beberapa objektif kajian bagi mencapai matlamat utama serta pemsalahan yang terdapat dalam projek penyelidikan ini. Di dalam bahagian ini, pengkaji juga telah mengemukakan persoalan kajian, skop kajian, dan juga kepentingan kajian yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan Kajian atau Kajian Literatur ini merupakan pernyataan fakta yang dapat menyokong sesuatu objektif. Ia membuktikan bahawa sorotan kajian ini adalah teori yang digunakan bukalah suatu rekaan sahaja. Dalam erti yang lain, sorotan kajian ini bermaksud kajian yang pernah dilaksanakan oleh individu lain pada sebelumnya berkaitan kajian yang dibuat pada masa kini. Menurut Hasanah Taib (2020), sorotan kajian lepas atau literature review (LR) adalah sesuatu perkara yang telah dilakukan oleh penulis lain terhadap kajian yang berkaitan tanpa persamaan dengan kajian yang ada. Hal ini kerana untuk membezakan bahagian penulisan yang ditulis oleh pengkaji dengan pengkaji lain untuk menunjukkan penulisan kajian yang baharu tanpa penambahan analisis kepada kajian yang sedia ada. Menurut Shuhairy Norhisham (2018), terdapat lima kaedah yang boleh digunakan untuk membuat kaedah soroton kajian iaitu mambanding dan membeza, menganalisis, menilai, kesimpulan dan mensintesis.

Tujuan sorotan kajian ini adalah untuk memerhati bagaimana sesuatu bidang kajian itu telah dilakukan oleh pengkaji lain. Sorotan kajian ini merupakan latar belakang kajian yang menunjukkan beberapa maklumat dan keseluruhan gambaran tentang kajian. (Hasanah Taib, 2020). Sorotan kajian ini berperanan dalam memberikan beberapa maklumat perkembangan berkaitan dengan kajian yang pengkaji lakukan. Manfaat lain yang boleh diambil dalam sorotan kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara pemerolehan sumber primer yang belum ditemui oleh pengkaji lain yang menjadikan pengkaji lain menggunakan pendekatan yang berbeza untuk mencapai dan memperoleh maklumat dalam sumber primer.. Maka, maklumat-maklumat sorotan kajian ini boleh didapati melalui buku-buku ilmiah, artikal, jurnal, majalah serta melalui laman sesawang.

Jejak warisan merupakan laluan yang dapat menghubungkan antara ciri-ciri kepentingan sejarah terutamanya yang telah dirancang sebagai tarikan kepada pelancong. (Lexico, 2022). Ia juga boleh dikenali sebagai laluan warisan yang menjadikan laluan pejalan kaki dan laluan memandu dalam persekitaran bandar mahupun diluar bandar bagi mengenalpastikan melalui papan tanda dan buku panduan yang berkaitan dengan warisan budaya.

Bagi mencapai objektif penyelidikan, penyelidikan ini akan dijalankan berdasarkan bagi mengenalpasti jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yang dikenali sebagai bandar pelancongan islam, kemudian adalah bagi mengenalpasti potensi yang terdapat di jejak warisan di daerah Bachok serta bagi mengetahui impak ekonomi masyarakat setempat terhadap jejak warisan yang ada di daerah Bachok, Kelantan. Hal ini akan menjadi bukti yang kukuh dimana pengkaji akan

melaksanakan kajian dengan pencarian artikel, jurnal dan kajian lepas. Oleh itu, penulisan yang dilaksanakan oleh pengkaji ini berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji akan menjadi satu kajian yang boleh dipercayai.

2.2 Jejak Warisan di Malaysia

Jejak warisan atau lebih dikenali sebagai *Heritage Trail* adalah produk pelancongan yang sering ada di sesuatu kawasan di bandar warisan. Jejak warisan ini adalah salah satu cara yang memudahkan pelancong untuk menyusuri laluan-laluan bersejarah yang dapat memberikan pelancong mengalami dan melihat sendiri keadaan sebenar nilai sebenar yang terdapat di kawasan yang dikunjungi. (Iias, Nur Hanim & Mansor Azran, 2012). Jejak warisan adalah satu laluan yang telah ditetapkan untuk membawa pengguna ke tempat bersejarah serta memahami sejarah sesuatu tempat itu sama ada warisan semula jadi atau budaya yang berunsur warisan (Lai Sin Yee, 2009). Pelancong-pelancong ini biasanya akan mempunyai brosur yang menunjukkan laluan peta atau titik perhentian di kawasan warisan dan maklumat ringkas mengenai lokasi tersebut.

Menurut Kong Tec Sieng & Oliver Valentine Eboy (2021) dalam jurnal beliau yang bertajuk “Pemetaan Jejak Warisan untuk tujuan pelancongan lestari menggunakan gis di Tambunan” menyatakan bahawa jejak warisan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dikembangkan oleh kerana terdapat banyak perhatian daripada masyarakat yang menggemari warisan budaya sama ada pelancongan bandar atau luar bandar. Ini dapat membantu pelancong untuk memahami sendiri tentang warisan budaya yang berada di sesuatu tempat.

Menurut Zainuddin Bin Baco (n.d), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Jejak Warisan Sandakan” menyatakan bahawa jejak warisan Sandakan merupakan satu pakej pelancongan yang disediakan oleh Jabatan Warisan Sandakan sebagai satu lawatan ke beberapa tapak warisan atau tempat bersejarah di daerah Sandakan yang merupakan satu aktiviti yang komprehensif yang membolehkan mereka untuk berjalan kaki selama setengah jam hingga duajam untuk melawat tapak-tapak warisan di daerah tersebut. Perkataan *tourism* atau pelancongan adalah daripada perkataan Latin iaitu *tornare* dan juga Greek iaitu *tronos* yang bermaksud pergerakan dalam suatu bulatan (Ahmad Zamane Omar, 2016). Ia juga boleh dikata sebagai pergerakan sementara oleh manusia ke destinasi luar dari tempat kebiasaan mereka.

Mastura Jaafar & et al. (2019), dalam kajian kes yang bertajuk “*Heritage Tourism Trail Development In Kampung Luat, Perak: A Case Study*” membincangkan tentang pembangunan denai warisan di Kampung Luat yang mana dapat mengetahui secara ringkas tentang kawasan yang bersejarah di Kampung Luat ini yang membuatkan pelancong tertarik akan keindahan semula jadi, arkeologi, agroindustri luar bandar serta berasaskan produk rumah yang mempunyai ciri tempatan yang berbeza seperti tradisional, budaya, landskap desa dan sebagainya bagi menawarkan pengalaman yang berbeza untuk pengunjungnya.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan sebuah agensi yang telah mengenal pasti sebanyak 353 kawasan yang bersejarah di pusat bandar yang boleh dijadikan sebagai tarikan baharu kepada pelancong (Bernama, 2020). Dalam artikel yang bertajuk “DBKL kenal pasti tapak, bangunan jadi “spot” Jejak Warisan KL” yang menyatakan bahawa Datuk Bandar telah melihat bangunan dan tapak yang berpotensi untuk dijadikan “spot” dalam jajaran pejalan kaki Jejak Warisan di Kuala Lumpur. Jelas lagi ia memberitahu bahawa fasa pertama laluan yang akan dibuat adalah sejauh 1.5


kilometer yang melibatkan 17 kawasan di Lebu Ampang yang mempunyai pengumpulan cerita sejarah dan menjadi projek perintis dinamakan “KL Dulu, Jejak Warisan KL”. Kawasan yang dijadikan “spot” ini perlu melalui proses dalam pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan sejarah serta menemu bual dari pemilik dan waris bangunan.

Berdasarkan satu artikel yang bertajuk “*Perdana Trail: A Heritage and Historical Walk*”, menurut Nurmi (2015), program ini telah dilaksanakan atau dimulakan oleh Pengurus Besar Hotel Perdana Kota Bharu iaitu Encik Muhammad Taha Zainal yang telah menunjukkan dan memperkenalkan kekayaan warisan budaya dan sejarah Negeri Kelantan, seperti tempat-tempat terkenal yang sering dikunjungi oleh pengunjung apabila datang ke Kelantan iaitu Pasar Besar Siti Khadijah dan Pantai Cahaya Bulan. Program ini membolehkan pengunjung menerokai banyak tempat menarik secara bersiar-siar atau berjalan kaki daripada hotel sahaja.

Menurut Agency (2021), dalam artikel “*The Star*” yang bertajuk “New heritage trail in the works as Kelantan hopes to drive tourism” ia menerangkan secara ringkas tentang terdapat 15 produk pelancongan dan tarikan pelancongan yang mempunyai sejarah dan nilai warisan yang tersendiri yang sebahagiannya kini telah menjadi jejak warisan Bachok, Kelantan dalam memajukan usaha pelancongan ke daerah tersebut. Dalam artikel tersebut ia juga membahagikan jejak warisan ini kepada dua iaitu produk dan destinasi.

Pulau Jerejak ini merupakan salah satu lokasi penempatan banduan, tahanan perang dan pusat kuarantin pesakit kusta dan batu kering. Sebuah pulau kecil yang wujud di selatan Pulau Pinang ini terkenal dengan nama “Alcatraz Malaysia” yang menjadikan kawasan itu sebagai Pusat Pemulihan Jerejak yang menempatkan banduan

yang dibuang negeri dan kaya dengan peninggalan sejarah bernilai sejak Perang Dunia Kedua (Bernama, 2022). Namun, Pulau Jerejak ini tersenarai dalam peta jejak warisan Pulau Pinang atau “heritage trail map” yang merupakan satu inisiatif untuk menjadikan kawasan Pulau Mutiara ini dapat meneroka oleh pengunjung. Pulau ini mempunyai banyak kesan sejarah yang tersembunyi seperti penjara lama yang agak uzur dan selain itu mempunyai bunker peninggalan tentera zaman silam. Kawasan pulau ini perlu melakukan pemuliharaan untuk menjaga balik nilai sejarah atau warisan yang ada di Pulau Jerejak.



Rajah 2.1 Kawasan Daerah Jajahan Bachok, Kelantan

Sumber: Google

(https://en.wikipedia.org/wiki/File:Map_of_Bachok_District,_Kelantan.svg,28

March 2022)

beliau yang bertajuk “Kajian Potensi Kampung Parit Baru Baroh Sebagai Agro Pelancongan” telah menyatakan bahawa potensi untuk menjadikan kawasan di Kampung Parit Baru Baroh itu mempunyai potensi yang tinggi dalam meningkatkan kearah pelancongan dari segi perikanan. Ini kerana terdapat sambutan dari luar yang turut memberi ikan, udang, ketam dan sotong oleh kerana produk yang disediakan itu lebih segar.



Rajah 2.3: Pantai Melawi, Bachok, Kelantan

Sumber: Google

(<https://www.flickr.com/photos/152300220@N02/37807250491>, 2017)

Menurut Haliza Abdul Rahman (2018), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia” telah menyatakan bahawa Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai potensi yang tinggi untuk dijadikan kawasan pelancongan Islam yang terkenal. Ini kerana peningkatan bilangan pelancong yang memasuki Malaysia oleh kerana penduduk di Malaysia ini yang mesra Islam. Dalam pelancongan Islam di Malaysia juga ia telah menubuhkan sebuah organisasi iaitu *Islamic Tourism Centre (ITC)* yang telah ditubuhkan pada tahun 2009 yang dibawah selia oleh Kementerian Pelancongan untuk

membangunkan dan mempromosikan produk pelancongan Islam di Malaysia. Selain itu juga, aspek lain yang membuatkan negara Malaysia ini sebagai sebuah negara pelancongan Islam yang diterima umum oleh kerana ketersediaan keperluan utama kepada pengembara Muslim seperti penyediaan surau, sejadah, penanda arah kiblat di hotel dan tempat penginapan serta Hentian Rawat dan Rehat (R&R). Dari segi yang lain pula di Malaysia ini menjadi sebuah pelancongan Islam yang diterima umum dari segi sumber makanan halal yang telah disahkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Seterusnya, faktor yang menjadikan Malaysia sebagai salah satu pilihan utama untuk dijadikan tempat pelancongan Islam adalah kerana konsep yang diketengahkan adalah bercirikan Islam seperti lawatan ke bangunan masjid. Potensi yang lain adalah dari segi perkhidmatan kemudahan perubatan Islam yang dimana mempunyai perubatan model yang bercirikan tata cara dan syariat Islam. Hal ini, dapat menunjukkan bahawa pelancongan Islam di Malaysia ini dapat memberikan satu peluang yang jelas untuk meningkatkan taraf pendapatan negara dengan pengaliran wang keluar masuk dalam negara.



Rajah 2.4: Kuil Wat Phothikyan Putthaktham, Bachok, Kelantan

Sumber: Google (https://www.tripadvisor.com/LocationPhotoDirectLink-g3239629-d18995561-i424973912-Wat_Phothikyan_Phutthaktham-Bachok_Kelantan.html, 2019)

Hutan Lipur Sungai Sedim, Kulim telah menjadi salah sebuah destinasi eko pelancongan yang terbaik di Malaysia oleh kerana di kawasan itu mempunyai kekayaan alam semulajadi dan sumber hutan yang terpelihara. Hutan Lipur ini juga telah membuat satu produk yang unik iaitu Konopi Pejalan Kaki Terpanjang Di Dunia (*The World's Longest Tree Top Walk*) yang telah dibina pada tahun 2003 yang mempunyai keluasan sebanyak 925 panjang dan 50meter tinggi (Roslizawati Che Aziz, et.al, 2021). Konopi ini dibina bagi menawarkan kepada pengunjung untuk menikmati pemandangan indah semulajadi dengan kepelbagaian sumber hutan yang menghijau disamping dalam pemeliharaan terhadap elemen jejak warisan. Seterusnya, Hutan Lipur Sungai Sedim ini mempunyai keindahan air terjun dan keaslian sumber alam yang telah menjadikan kawasan ini mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan tempat eko pelancongan. Penubuhan pelbagai aktiviti dan produk ini telah menyebabkan Hutan Lipur ini dibangunkan sebagai destinasi yang berasaskan semulajadi dan menjadi aktiviti eko pelancongan.



Rajah 2.5: Akok Pok Long

Sumber: Google (<https://www.malaysiakini.com/news/571533>, 2021)

KELANTAN

2.4 Impak Ekonomi Masyarakat Setempat Menerusi Pelancongan

Impak ekonomi masyarakat setempat menerusi pelancongan yang dibangunkan di kawasan daerah Bachok ini akan memberikan keuntungan bagi masyarakat jika terdapat kewujudan kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan sebagai tempat pelancongan menerusi senarai produk jejak warisan di daerah tersebut. Menurut Saiful Bahari (2019), dalam artikel beliau yang bertajuk “Ekopelancongan dan impak kepada Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar” ini menjelaskan bahawa produk ekopelancongan ini memberikan kesan yang positif kepada pembangunan pelancongan negara dan dapat menyumbangkan banyak pendapatan kepada masyarakat setempat.

Menurut Suhaya Samad, Md Shafiin bin Shukor & Norlida Hanim Mohd Salleh (2013), dalam jurnal yang bertajuk “Impak Pembangunan Industri Perlancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi” telah menyatakan dalam aspek ekonomi yang memberikan impak yang positif oleh kerana dalam industri pelancongan ini mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti di Pulau Langkawi. Peluang pekerjaan yang dimiliki adalah melalui pelbagai sektor kerja. Selain itu, komuniti di Pulau Langkawi ini mempunyai peluang dalam menjana pendapatan melalui perniagaan secara tidak langsung. Impak ekonomi utama dalam industri pelancongan mengfokuskan untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. (Nur Farahin Binti Shudie & Nicholas Gani, 2020). Dalam jurnal ini ia mengfokuskan penduduk setempat di Kampung Tellian Tengah, Mukah Sarawak mendapat jana pendapatan melalui bekerja secara separuh masa (*part-time*), pemandu bot yang membawa pelancong ke sekeliling kampung dan sebagainya.

Menurut Zanisah Man, Nurul Fatanah Zahari & Mustaffa Omar (2009), dalam jurnal yang bertajuk “Kesan Ekonomi Pelancongan Terhadap Komuniti Batek Di Kuala

Tahan, Pahang” telah menyatakan bahawa terdapat beberapa implikasi yang menyebabkan aktiviti pelancongan ke atas komuniti Batek di Kuala Tahan adalah seperti hak peribadi, individu dan komuniti Batek, hak komuniti batek dalam mempertahankan kesucian budaya, keterikatan daripada kebebasan bergerak mencari sumber keperluan, ancaman kesihatan dan jangkitan penyakit, keperluan kepada penghasilan produk berkualiti untuk pemasaran, persaingan dan eksploitasi pekerjaan.

Menurut Muhammad Asri Ibrahim & Novel Lyndon (2021), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Impak Penglibatan Dalam Pembangunan Pelancongan Luar Bandar” menyatakan bahawa impak dalam pembangunan pelancongan yang menyumbangkan kesan positif ekonomi masyarakat setempat adalah peluang pekerjaan yang memberikan masyarakat peluang untuk menjana pendapatan apabila terdapatnya pesta-pesta yang diadakan di kawasan kajian.

Menurut Norazni Syaripudin (2017) dalam jurnal beliau yang bertajuk “Persepsi Penduduk Tempatan Terhadap Impak Pembangunan Ekopelancongan Di Semporna, Sabah”. Impak positif dalam pembangunan ekopelancongan ini mampu menaikkan taraf hidup komuniti serta dapat mengembangkan industri kecil dan sederhana (IKS). Kesan ini dapat memberikan komuniti setempat di kawasan tersebut dalam melebarkan lagi peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada komuniti setempat. Impak positif yang memberikan kesan kepada komuniti setempat menyebabkan produk budaya dan alam sekitar yang menyumbang dalam sumber ekonomi mereka. Aktiviti pembangunan ekopelancongan ini memberi impak dalam menyediakan pelbagai pekerjaan yang bersesuaian kepada komuniti di situ. Dengan adanya aktiviti pembangunan ekopelancongan ini sudah pasti kebanyakan organisasi atau pusat-pusat pelancongan yang akan membuka dan menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan komuniti disitu mengikut taraf pendidikan masing-masing.

Menurut Dr Yahaya Ibrahim (n.d), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan Cabaran Dalam Konteks Pembangunan Pelancongan” dalam penulisannya telah mengkategorikan impak pelancongan ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu ekonomi, fizikal dan sosial. Dari segi ekonomi ia mengfokuskan kepada keuntungan yang wujudnya destinasi pelancongan baru. Dahulu komuniti di situ menjana pendapatan melalui aktiviti penangkapan dan menjual ikan. Namun, setelah Pulau Tioman ini dibangunkan sebagai pusat pelancongan, terdapat 86 resort atau chalet yang dibina berhampiran kawasan di perkampungan sekitar itu. Selain itu, komuniti di kawasan itu juga membuat pengusahaann bot pelancong yang dimana menjadi agen atau orang tengah yang memberikan perkhidmatan kepada para pelancong.

2.5 Kaedah Pemeliharaan Di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok

Menurut Zalissa Binti Zaini (2006), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Sistem Maklumat Geografi Dalam Penentuan Pemeliharaan Kawasan Warisan Kajian Kes: Bandar Taiping, Perak.” telah menyatakan dalam pemeliharaan warisan bagi sesebuah bandar ia memerlukan perancangan dan pengurusan yang terbaik bukan hanya mengfokuskan kepada bangunan sahaja malah termasuk kepada kawasan persekitaran yang mempengaruhi nilai warisan bangunan tersebut dipelihara. Dalam artikel ini ia telah mengkaji tentang kebolehan aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang sistem ini mampu menghasilkan satu cara untuk pemeliharaan yang berkesan. Sistem ini membangunkan pengkalan data dalam berpandukan pemeliharaan. Dalam artikel ini ia ada menyatakan bahawa bagi menghasilkan peta jejak warisan di batu megalitik di

Tambunan, Sabah ia menggunakan GIS (Kong Teck Sieng & Oliver Valentine Ebo, 2021). Dalam penggunaan GIS ini ia akan menunjukkan jejak warisan ke kawasan warisan bagi menikmati oleh pelancong. Jejak warisan ini dilakukan adalah untuk memelihara dan memulihara budaya megalitik di Tambunan, Sabah.

Menurut Norzaini Azman, et.al (2010), dalam jurnal beliau yang bertajuk” Pendidikan Awam untuk Pemuliharaan Warisan: Kajian Kes Langkawi Geopark” telah menyatakan bahawa dalam kaedah pemuliharaan dalam kawasan tersebut ia bergantung pada dua faktor yang memberi kesan dalam pemuliharaan kawasan warisan ini. Dua faktor tersebut adalah dari segi kesedaran pihak berkepentingan, penglibatan dan penghayataan berkaitan nilai warisan dan peluang ekonomi serta pendidikan umum untuk pihak berkepentingan secara berfokus dan berterusan. Pendidikan awam digunakan dalam menyampai dan memperoleh pengetahuan umum yang dimana dapat membina kuasa dalam menyedarkan pemuliharaan kawasan warisan. Dalam pendidikan awam ini ia dapat membantu dalam memajukan gagasan pemuliharaan alam sekitar. Ini kerana dapat dilihat apabila pendidikan awam ini memainkan peranan dalam menyedarkan masyarakat dalam pemuliharaan kawasan warisan ia membantu mengurangkan perlakuan vandalisme atau pencerobohan kawasan perlindungan. Dalam pendidikan awam ini ia mampu membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat dengan menggunakan kaedah media cetak, radio, televisyen, internet, pendidikan formal, dan sebagainya. Program- program yang berlandaskan dengan komprehensif yang mengfokuskan kepada usaha dalam pemuliharaan khasnya pemuliharaan warisan.

Menurut Mohd Rasmawi Bin Harun & Mohamad Hilmi Bin Mat Said (2021), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Pembangunan Garis Panduan Pemuliharaan Masjid

Lama Negeri Pahang” menyatakan masjid ini telah lama dibina sekian lama maka masjid ini merupakan aset berharga yang berfungsi sebagai bukti dalam sejarah perkembangan agama Islam di negeri Pahang yang wajar dipulihara dan dilindungi. Maka dalam pengekalan pembinaan masjid ini pihak-pihak berkepentingan memainkan peranan dalam mengambil inisiatif dalam penggunaan dan penjagaannya. Kaedah yang digunakan dalam pemeliharaan masjid Lama di Negeri Pahang adalah dengan menggunakan kaedah restorasi yang digunakan dalam Masjid Sultan Abdullah dan Masjid Lama Bolok Hilir. Selain itu, ianya juga menggunakan kaedah pertukaran fungsi yang digunakan dalam pengurusan pusat pengajian ilmu daripada Masjid Negeri Lama, Masjid Lama Pulau Tawar dan Masjid Lama Kuala Kerdu. Seterusnya, mereka menggunakan kaedah pemantauan yang dimana ia menggunakan pengawasan dan pemantauan daripada Jawatankuasa Masjid sediada atau Jawatankuasa Perwakilan Penduduk seperti di Masjid Lama Ulu Cheka dan Masjid Kampung Pantai. Akhir sekali, kaedah pemuliharaan yang digunakan adalah kaedah perpindahan iaitu Bangunan asal Masjid Lama Kuala Kerdu yang telah dipindahkan dari tempat asal ke tepi tebing sungai ke lokasi semasa sebelum digunakan sebagai Akademi Al-Quran dan Hadis.

Menurut Mohamad Zaki Ahmad, et.al (2012), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Pembangunan Pelancongan Kuala Kedah untuk “Semua”: Kriteria dan Tanda Aras Kelestarian untuk Pertimbangan” telah menyatakan Kuala Kedah ini mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai salah satu destinasi pelancongan di Negeri Kedah. Ini kerana Kuala Kedah ini telah banyak menyumbang manfaat dan faedah dalam membantu penduduk dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Konsep pembangunan lestari adalah salah satu cara yang dipraktikkan dalam mewujudkan

pembangunan pelancongan yang mampu memberikan manfaat dan faedah kepada “semua”. Namun kaedah dalam memastikan sesuatu kawasan itu menjadi pelestarian pelancongan perlu mempertimbangkan beberapa kriteria yang terlibat dalam perancangan dan pembangunan pelancongan di Kuala Kedah. Antara kriteria yang dicadangkan adalah seperti kesejahteraan masyarakat, penjagaan dan pemeliharaan persekitaran budaya dan alam sekitar, kualiti produk dan kepuasan pelancongan serta pengurusan dan pemantauan. Kriteria ini adalah menggambarkan sesuatu keadaan atau penambahbaikan ciri sesuatu kawasan pelancongan itu serta menjadi penanda aras dalam membangunkan kawasan Kuala Kedah sebagai kawasan pelancongan.

2.6 Isu Penjagaan Kawasan Jejak Warisan Di Daerah Bachok

Tempat bersejarah yang kian lama makin usang ini memerlukan penjagaan yang terbaik yang dilakukan secara konsisten bagi mengelakkan kerosakan yang berlaku di tempat warisan tersebut. Menurut Roslinda Hashim (2021), dalam artikel Sinar Harian yang menyatakan bahawa kawasan-kawasan bersejarah ini memerlukan peruntukan yang khas bagi melakukan pemuliharaan kawasan tersebut agar lebih terjaga sebagai aset sejarah negara. Dalam artikel ini ia mengatakan kerjaan tidak mampu untuk memberikan peruntukan yang besar untuk memulihara khazanah warisan. Kebanyakan negeri yang mempunyai tempat, struktur, monument, artifak sejarah dan sebahagiannya akan di selia atau dijaga di bawah Jabatan Warisan. Penjagaan kawasan atau produk pelancongan ini ia dapat membantu meningkatkan pendapatan negara. Setiap nilai warisan itu perlu dipelihara dengan baik Oleh kerana, produk atau tempat pelancongan itu dapat memberikan manfaat kepada negara kita.

Menurut Unknown (2014), menyatakan bahawa warisan sejarah ini perlu dijaga bagi kepentingan generasi akan datang. Cara terbaik yang boleh menjadikan isu dalam

penjagaan kawasan adalah dengan mengadakan peruntukan khas daripada kementerian. Ini kerana dengan peruntukan ini dapat membantu untuk menjaga dan memuliharkan khazanah bersejarah. Contohnya, negeri Kelantan telah menerima anugerah “*The Best Tourism City*” dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada tahun 1990-an.

Masalah yang dihadapi apabila ingin menjaga dan memulihara tempat warisan adalah melalui masalah fizikal dan kekangan kewangan yang menyebabkan banyak kerja-kerja menaiktaraf Lembah Bujang sebagai kawasan agropelancongan tertangguh.

Menurut Rosniza Aznie Rose & Nur Athirah Khalid (2017), dalam jurnal beliau yang bertajuk “Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan” telah menyatakan bahawa penilaian yang harus dilakukan dalam pengurusan pemuliharaan bangunan warisan adalah yang pertama melalui penilaian terhadap struktur bangunan, penilaian terhadap penyelenggaraan, penilaian terhadap pengurusan persekitaran bangunan warisan, penilaian terhadap pengurusan kebersihan, dan penilaian terhadap pengurusan keselamatan.

2.7 Penutup

Warisan merupakan salah satu aset atau hak seseorang. Dalam pengertian yang lain warisan ini juga merupa salah satu perkara yang telah diwarisi oleh nenek moyang mereka yang merangkumi dari segi sejarah dan dikaitkan dengan warisan. Namun dalam warisan ini terdapat pelbagai jenis warisan yang bergantung pada jenis aset iaitu harta yang nyata seperti harta alih atau harta yang tak alih dan harta semula jadi atau tidak wujud seperti harta budaya. (Unknown, 2022). Terdapat warisan dalam undang-undang yang mana merujuk kepada sekumpulan aset dan kewajipan milik orang semula jadi atau undang-undang yang mampu dinilai secara ekonomi.

Sistem jejak warisan adalah sistem laluan yang ditubuhkan di bandar bagi dikemas kini dari semasa ke semasa oleh sesuatu bandar bagi tujuan untuk digunakan oleh pejalan kaki dan penunggang basikal. Sistem ini memudahkan pelancong-pelancong untuk menikmati keindahan warisan disesuatu tempat. Selain itu, jejak warisan atau laluan warisan ini dikenali sebagai laluan memandu dalam persekitaran bandar serta diluar bandar yang berpandukan melalui papan tanda dan buku panduan berkaitan dengan warisan budaya.

Pelancongan adalah salah satu industri yang terpenting di dalam Malaysia. Menurut Admin (2020), pelancongan adalah sesuatu perkara yang dilakukan oleh seseorang untuk mengembara, melawat, atau melancong ke sesuatu destinasi yang melebihi 50 batu dari tempat tinggal sebenar. Pelancongan ini boleh dikategorikan kepada aktiviti hiburan, teori dan amalan, perkhidmatan, perniagaan operasi dan juga adalah untuk menjadikan tarikan pelancong yang dikenali sebagai pelawat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini ia menjelaskan tentang kaedah penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian ini merupakan salah satu kaedah atau pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif serta maklumat kajian. Metodologi kajian ini akan membuatkan kajian yang dilakukan lebih bersistematik dan dapat mencapai objektif kajian. Antara perkara yang dibincangkan dalam metodologi kajian ini adalah rekabentuk kajian, instrumen kajian, prosedur data, kaedah analisis data dan penutup. Selain itu, metodologi kajian juga merupakan salah satu kaedah dan teknik untuk mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data agar data yang diperoleh itu dapat menyokong dengan lebih tepat untuk sesuatu kajian tersebut. Metodologi kajian juga menunjukkan bagaimana sesuatu permasalahan kajian yang dikaji dengan menggunakan kaedah dan teknik. Menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian adalah merupakan satu kaedah dan teknik untuk mereka bentuk, mengumpul data dan menganalisis data agar sesuatu maklumat yang diperolehi itu dapat menyokong sesuatu permasalahan kajianitu.

Tujuan metodologi kajian ialah untuk membantu memahami dengan lebih jelas atau lebih terperinci lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian tentang proses kajian. Bab ini juga akan menerangkan berkaitan kaedah yang akan

digunakan oleh pengkaji berkaitan cara memperoleh maklumat yang diperlukan dalam kajian ini iaitu Kajian Jejak Warisan yang Terdapat di Daerah Bachok Kelantan yang Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan satu tatacara bagaimana pengolahan data yang dikumpulitu dengan mengikut perancangan khusus dan sistematik melalui konsep pembentukan, rangkaian hubungan dengan pemboleh ubah yang digunakan dalam sesuatu kajian (Kerlinger, 1970). Hal ini, rekabentuk kajian ini berfungsi sebagai satu bentuk garis panduan dalam membantu pengkaji dalam memproseskan memungut, menganalisis dan menjalankan pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan. Rekabentuk kajian ini juga akan menjadi model atau garis panduan kepada penyelidik untuk membolehkan penyelidik membuat rujukan mengenai pemboleh ubah yang telah dikaji. Rekabentuk kajian ini penting bagi memastikan ia sebagai salah satu cara untuk melaksanakan penyelidikan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjawab objektif kajian. Terdapat dua jenis rekabentuk kajian iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif adalah satu bentuk kaedah yang digunakan tersendiri dan berbeza dengan kaedah kuantitatif. Dalam kaedah ini ia lebih spesifik kepada bentuk dalam temubual, pemerhatian dan analisis dokumen (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Kaedah kualitatif ini ia lebih mengfokuskan kepada bentuk-bentuk yang lebih terbuka seperti menanyakan soalan kepada umum dengan soalan yang luas dan umum,

mengumpul data dan maklumat yang berbentuk perkataan ataupun teks.

Tujuan kaedah kualitatif ini adalah untuk menjelaskan dan mendapatkan pandangan dan pemahaman tentang fenomena melalui pengumpulan data naratif yang insentif untuk menjana hipotesis untuk dijadikan ujian dan induktif.

Kaedah pengumpulan data kajian melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan beberapa langkah penting yang mengfokuskan kepada kajian, kutipan data dan menggunakan cara pemerhatian, temu bual, analisis dokumen, dan nota lapangan. Antara kaedah pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual dan analisis data.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kaedah kuantitatif ini merupakan salah satu pendekatan yang menggunakan angka atau numerikal. Pendekatan kuantitatif ini mengfokuskan aspek-aspek dalam pengiraan bilangan seperti peratusan, penambahan, jumlah dan banyak lagi yang berkaitan dengan angka (Mohd Zuhairil Ikmal Saidi, 2019). Kaedah kuantitatif ini adalah untuk menerangkan, meramalkan dan mengawal data yang berbentuk angka dengan mencapai objek kajian.

Istilah pendekatan kuantitatif adalah merujuk kepada sesuatu benda yang boleh dibilang dan dinyatakan dengan jelas (Zulia Fizawan, 2021). Kaedah ini biasanya mengfokuskan kepada pengukuran data yang berbentuk numerikal. Kaedah ini selalunya ditentukan dengan data yang dianalisis dengan ujian statistik.

3.2.3 Kaedah Pilihan Reka Bentuk Kajian

Kaedah kajian yang akan digunakan untuk melaksanakan kajian ini berdasarkan objektif kajian adalah pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif. Berdasarkan penerangan yang jelas dibentangkan terhadap kedua-dua kaedah ini, Jelas bahawa pengkaji akan memilih kaedah pendekatan kualitatif. Hal ini dikatakan sebegini kerana kajian ini akan dilakukan dengan mengfokuskan kepada kaedah tembual dan soal selidik bagi menepati objektif kajian yang telah dipilih. Kaedah kualitatif yang digunakan ini adalah dengan cara berinteraksi dengan subjek kajian iaitu dengan menggunakan kaedah yang telah digunakan adalah melalui pemerhatian ke kawasan kajian serta dengan membuat tembual untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan jelas.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini adalah cara bagaimana untuk mengumpul segala data yang diperlukan untuk menjawab objektif kajian. Soalan-soalan dan kenyataan yang dibentuk khas untuk mendapatkan dan memperolehi maklumat penyelidikan. Dalam instrumen kajian ni terdapat beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan data tersebut. Antaranya instrumen kajian itu ialah melalui kaedah soal selidik, pemerhatian, tembual, ujian dan juga dokumen. Antara alatan instrumen yang pengkaji pilih adalah melalui rakaman video yang dimana pengkaji akan merekodkan rakaman daripada responden semasa sesi tembual dijalankan. Oleh itu, ini dapat memudahkan pengkaji supaya dapat menyemak semula data serta maklumat yang diperolehi semasa sesi soal jawab. Kaedah ini penting agar pengkaji dapat mengumpul maklumat-maklumat yang penting untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini. Selain itu,

alatan yang akan digunakan adalah perakam suara yang akan menjadi alatan yang penting bagi merakam suara semasa sesi temubual dijalankan. Seterusnya, instrumen yang akan digunakan adalah kamera yang akan digunakan oleh pengkaji untuk mengambil gambar semasa sesi pemerhatian dijalankan di kawasan kajian.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Pengumpulan data ini merupakan satu proses yang dimana dan bagaimana sesebuah data itu dapat dikumpulkan, membuat pemerhatian terhadap sesuatu yang sedang berlaku, merekod, memilih, mengumpul, mengasing data dan memahami bila ia akan digunakan (Diyana, 2005). Kaedah ini amat penting dalam melaksanakan penyelidikan ini kerana ia merupakan satu strategi atau cara yang digunakan oleh semua pengkaji. Pengumpulan data ini terbahagi kepada dua iaitu data primer dan data sekunder.

3.4.1 Data Primer

Sumber data primer adalah salah satu sumber yang berkait secara langsung dengan peristiwa yang berlaku. Sumber primer ini adalah dalam bentuk kesaksian langsung dan pelaku sejarah tersebut, dokumen-dokumen, naskah perjanjian, arkib dan bahan-bahan arkeologi (Ranjit Kumar, 2014). Data primer ialah satu data yang berasal daripada sumber asli atau edisi yang asal. Data primer ini akan dikumpulkan sendiri oleh penyelidik untuk menguji hipotesis dalam kajiannya (Rohana Yusof, 2004).

Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan dalam pengumpulan data primer iaitu pengumpulan data secara pasif dan aktif. Kaedah pengumpulan Data Primer secara pasif ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu terstruktur dan bersifat rahsia, terstruktur dan bersifat terbuka, tidak terstruktur dan bersifat rahsia serta tidak terstruktur dan

bersifat terbuka. Seterusnya adalah kaedah pengumpulan Data Primer secara terbuka yang juga mempunyai empat kaedah iaitu wawancara secara langsung dengan responden, wawancara melalui telefon, wawancara melalui surat dan perakam suara (Sabitha Merican, 2005). Data primer ini lebih mengfokuskan kepada kajian lapangan bagi mendapatkan maklumat hasil daripada temu bual.

i) Temubual

Kaedah temu bual ini memerlukan responden bagi mendapatkan maklumat secara temubual. Kaedah ini kebanyakan pengkaji menggunakannya bagi mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat mengenai kajian yang dilakukan. Pengkaji akan menanyakan beberapa soalan yang berkaitan dengan kajian kepada responden setempat itu. Temubual boleh dilakukan secara individu atau sekumpulan kecil. Kaedah temu bual dibahagikan kepada dua iaitu temu bual secara mendalam dan temu bual kumpulan fokus. Temu bual mendalam ini lebih kepada temu bual yang spesifik dengan panduan yang telah ditetapkan manakala temu bual kumpulan fokus ini lebih kepada sekumpulan kecil yang mempunyai ciri tertentu.

ii) Borang Soal Selidik

Kajian berbentuk soal selidik ini adalah salah satu bentuk kajian yang selalu pengkaji menggunakan oleh kerana soal selidik boleh merangkumi bidang yang luas dan boleh dirangka dengan mudah. Kaedah soal selidik adalah pengkaji akan menghubungi dengan responden secara dirahsiakan. Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang.

Soalan di dalam soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu dimana kedua-dua bahagian yang mempunyai soalan yang berbeza-beza. Pada bahagian pertama ia akan mengandungi soalan yang berkaitan dengan jantina, tempat asal, umur dan mengenai kawasan jejak warisan di daerah Bachok serta soalan yang berkaitan dengan kajian. Manakala, pada bahagian kedua pula ia lebih kepada berkaitan dengan soalan yang mengenai kawasan serta produk warisan yang terdapat di daerah Bachok.

Bentuk soalan ini yang terdapat pada borong soal selidik berbentuk tertutup. Soalan bertutup ini memudahkan proses analisis dan memudahkan responden untuk memberikan jawapan disebabkan responden memerlukan untuk memilih satu jawapan sahaja pada ruangan pilihan jawapan.

3.4.2 Data Sekunder

Sumber data sekunder ini merupakan salah satu sumber yang mudah ditafsir, dijelaskan, analisis dan ulasan daripada pengarang mengenai sesuatu topik. Data sekunder juga adalah sumber yang mempunyai perantaraan di antara keadaan dan pengalaman yang dikaji.

Kajian ini telah menggunakan sumber sekunder iaitu maklumat yang diperolehi daripada artikel atau jurnal, artikel surat khabar atau majalah dan sumber internet. Sumber ini dapat membantu pengkaji untuk mencapai objektif kajian.

i) Perpustakaan

Kaedah perpustakaan ini merupakan kaedah untuk mendapatkan

maklumat yang diperlukan dan tidak diperolehi daripada kajian lapangan yang telah dijalankan, namun maklumat ini diperolehi daripada perpustakaan.

ii) Buku

Buku adalah kaedah yang merujuk kepada buku-buku ilmiah yang mengandungi maklumat tambahan bagi memenuhi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan dengan merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

iii) Internet

Kaedah internet ini merupakan kaedah tambahan dalam data sekunder dengan cara pengkaji akan melayari laman web rasmi dan tidak rasmi. Pada umumnya, pengkaji sering melayari laman web bagi mencari lokasi kajian dan untuk mendapatkan peta lokasi kajian.

3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data adalah tahap dimana proses penyelidikan data yang telah dikumpulkan dapat diproses untuk menjawab rumusan masalah kajian (Ummi Adibah, 2019). Analisis data juga merupakan suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baru yang dapat digunakan dalam membuat kesimpulan.

Menurut Taylor (1975), analisis data ialah proses dimana ia akan menerangkan secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan hipotesis dan sebagai usaha

untuk memberikan bantuan dan tema pada hipotesis. Data yang diperolehi melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan dianalisis bagi mendapatkan kesimpulan data.

Data yang dikumpulkan melalui temu bual dan pemerhatian di transkrip oleh pengkaji. Temu bual yang dilakukan akan dianalisis melalui transkripsi temu bual. Data temu bual tersebut akan ditranskripsikan dan kemudian akan ditaip semula dengan teliti terhadap setiap maklumat yang diperolehi daripada informan. Hasil analisis data menemu bual tersebut akan dipersembahkan dalam bentuk transkripsi temu bual bagi memudahkan serta menjadi rujukan semasa kajian.

Kaedah kualitatif juga digunakan sebagai kaedah mengumpul dan mencari bahan sertadata yang bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Rangkuman kepada konsep yang akan menerangkan sesuatu fenomena menggunakan kaedah kajian ke perpustakaan dan juga kaedah buku ilmiah. Seterusnya, apabila semua data primer dan sekunder dikumpulkan, maka satu laporan lengkap disediakan oleh pengkaji dengan tajuk kajian yang telah dipilih.

Jadual 3.1: Kaedah Analisis Data

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Apakah Jejak Warisan yang terdapat di daerah Bachok? 2. Apakah potensi pelancongan yang terdapat di kawasan Jejak Warisan di daerah Bachok?	Temubual Kaedah Perpustakaan ❖ Menemubual pihak tertentu – Majlis Daerah ❖ Kajian daripada buku rujukan, artikel
3. Bagaimana kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap jejak warisan yang ada di daerah Bachok?	Tinjauan menggunakan borang soal selidik ❖ 379 (n) set sampel (populasi n 30000) borang selidik menggunakan jadual populasi Krejaj & Morgan (1970) ❖ Menggunakan platform Google Form ❖ Edar kepada komuniti di sekitar komuniti ❖ Dibahagi kepada 2 bahagian iaitu: Bahagian 1: Maklumat diri/ responden Bahagian 2: Kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap Jejak Warisan yang ada di daerah Bachok

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa kaedah yang membolehkan pengkaji mencapai objek kajian tersebut. Kaedah analisis data ini dinyatakan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas untuk pengkaji menggunakan kaedah yang lebih mudah untuk menjawab semua persoalan kajian.

3.5.1 Analisis Data Temu Bual

Dalam analisis data temu bual ini, pengkaji akan menemu bual dari Majlis Daerah Bachok serta Pejabat Tanah Jajahan Bachok untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam mengenai kajian yang dilakukan dan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas dan tepat. Pengkaji akan berkunjung ke tempat kajian bagi menemu bual dan akan dilaksanakan secara bersemuka dan akan merakam video dan suara semasa temu bual berlangsung bagi memastikan maklumat yang didapati tidak akan tertinggal oleh kerana maklumat yang dipeolehi adalah penting bagi mencapai objektif kajian.

3.5.2 Analisis Data Kepustakaan

Bagi kaedah analisis data kepustakaan, pengkaji akan membuat rujukan dan mencari maklumat tambahan ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan Bachok untuk mencari maklumat atau isi penting daripada artikel, buku, majalah, risalah dan sebagainya yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dikaji tersebut. Maklumat ini akan memudahkan pengkaji untuk mencari sokongan daripada buku-buku, artikel dan sebagainya untuk menyokong lagi isi kajian yang telah dikaji itu.

3.5.3 Analisis Data Tinjauan Menggunakan Borang Soal Selidik

Kaedah data melalui tinjauan menggunakan borang soal selidik ini pengkaji akan melengkapi persoalan kajian berkaitan kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap daerah Bachok. Melalui borang soal selidik ini pengkaji akan menggunakan platform “googleform” untuk mengedarkan borang soal selidik ini penduduk kampung untuk menjawab persoalan yang dikemukakan. Soal selidik ini akan dijawab seramai 379 orang mengikut jadual morgan. Dalam soal selidik ini akan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian untuk

mengukuhkan lagi maklumat yang diperolehi bersertakan bukti soal selidik daripada penduduk setempat di daerah Bachok.

3.6 Jangkaan Dapatan Kajian

Penyumbang kepada Sektor Pelancongan

Jejak warisan di daerah Bachok ini memberikan kesan impak yang positif kepada negara terutamanya dalam menonjolkan nilai warisan yang ada di daerah Bachok. Kebanyakan badan-badan atau organisasi yang berminat secara langsung dalam pembangunan jejak warisan kerana terdapat banyak faedah dari segi pembangunan sosial, fizikal, alam sekitar, budaya serta ekonomi. Menurut New South Wales (1995), garis panduan dalam pembentukan jejak warisan yang dibuat oleh pejabat warisan. Jejak warisan ini lebih dikenali sebagai sebuah laluan yang sedia ada yang dapat menghubungkan perkara atau maklumat yang mempunyai nilai warisan di sekitar kawasan tersebut. Melalui jejak warisan ini ia membantu dalam meningkatkan sektor pelancongan negara dengan menaiktarafkan kawasan-kawasan jejak warisan yang mempunyai potensi dalam sektor pelancongan. Menurut Mohd Amin Jalil (2022), menerangkan mengenai usaha dalam menambah dan menaiktaraf beberapa lokasi yang menarik untuk dijadikan pusat tarikan pelancongan. Menaik tarafkan beberapa bandar lama di Seremban seperti Sungai Ujong Walk, Benteng Walk, Little India dan Lorong Seni Seremban. Kawasan-kawasan ini mempunyai potensi yang tinggi di pusat Bandar yang dapat mewujudkan satu ekosistem pelancongan lengkap buat pelancong dalam dan luar negara.

Menambah Kadar Ekonomi

Industri pelancongan ini menjadi salah satu penyumbang yang ketara dalam ekonomi negara. Melalui Jejak Warisan yang dilakukan ini dapat meningkatkan pendapatan atau ekonomi bagi masyarakat setempat atau negara. Hal ini kerana salah satu sektor yang banyak menyumbang dalam negara dengan kehadiran pelancong dalam dan luar negara. Menurut Unknow (2015), melihat industri pelancongan telah memberi sumbangan ketara kepada ekonomi negara sejak pengenalan Program Transformasi Negara (NTP). Sektor pelancongan negara kini telah menjadi penyumbang keenam terbesar kepada ekonomi negara dengan telah menyumbangkan sejumlah RM 161 bilion atau 14,9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2014.

3.7 Penutup

Kesimpulannya, melalui kajian yang telah dijalankan, pengkaji dapat dijalankan kajian dengan lebih terperinci berkaitan dengan kajian jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yang memberikan kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengenalpasti kawasan yang berpotensi untuk disenaraikan dalam jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok. Proses analisis data yang diperolehi daripada kajian penyelidikan ini dapat membantu pengkaji dalam merumus berkaitan kajian yang dijalankan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini akan membincangkan tentang dapatan kajian mengenai Kajian Jejak Warisan Yang Terdapat Di Daerah Bachok, Kelantan Yang Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat. Dalam kajian ini penggunaan kaedah kualitatif dan kuantitatif yang digunakan dan berupaya dalam menyelesaikan persoalan kajian berserta dapat menepati objektif kajian. Pengkaji juga telah mengaplikasikan dua pendekatan iaitu sumber primer dan sekunder sebagai panduan asas dalam kaedah kajian yang dilaksanakan.

Pengkaji juga ada menggunakan kaedah temubual serta menganalisis data dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengenalpasti kesan ekonomi kepada masyarakat setempat terhadap kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah menemu bual bagi objektif pertama iaitu mengenai kawasan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok dan objektif kedua mengenai potensi pelancongan yang terdapat di kawasan jejak warisan di daerah Bachok. Pengkaji menemubual golongan terlibat seperti Majlis Daerah Bachok dan Pejabat Tanah Jajahan Bachok untuk mengetahui pemahaman mereka mengenai objektif kajian yang pertama dan kedua.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden boleh dimaksudkan dengan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesebuah penyelidikan yang dilakukan. Responden ini akan menjawab soalan-soalan atau memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Hasil daripada temubual yang dijalankan, pengkaji mendapat kesemua responden mempunyai taraf jawatan yang berbeza antara satu sama lain. Kepelbagaian taraf jawatan dalam pengambilan responden ini adalah kerana pengkaji ingin mengetahui perspektif daripada pelbagai pendapat yang berbeza. Responden dipilih kerana mereka merupakan kakitangan awam yang bekerja di Majlis Daerah Bachok dan mempunyai maklumat yang terperinci mengenai penyelidikan pengkaji. Jadual 4.2 dibawah ini menunjukkan pecahan nama, jawatan dan tarikh di antara pengkaji dan responden.

Bil	Nama Responden	Jawatan	Tarikh Temubual	Kod Responden
1.	En. Muhamad Zainuddin B. Abdullah	Penolong Pegawai Agama (Unit Pembangunan Islam)	30/11/2022	A
2.	En. Wan Hafidzullah Bin Wan Yusoff	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	5/12/2022	B
3.	En. Zuhairree Bin Zulkifli	Unit Perancangan Bandar	5/12/2022	C
4.	En. Nordin	Unit Landskap	5/12/2022	D

Jadual 4.1 Latar Belakang Responden Kajian

4.3 Analisis Dapatan Kajian Mengenai Jejak Warisan yang Terdapat di Daerah Bachok

4.3.1 Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok

Menurut Agensi (2021), beliau ada menyatakan bahawa sebanyak 15 produk dan tarikan pelancongan yang dimana setiap kawasan ini memiliki sejarah tersendiri, warisan dan nilai budaya tersendiri yang tersenarai menjadi sebahagian daripada Jejak Warisan Bachok di Kelantan yang menjadi usaha dalam memacu pelancongan di sana. Lokasi yang dipilih ini akan meliputi dalam khusus tertentu seperti rekreasi, seni, budaya, kraftangan, seni bina dan sejarah islam. Menurutnya lagi program jejak warisan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu produk dan destinasi. Bagi produk ianya terbahagi kepada tempat seperti Kota Pengkalan Datu, Industri Kecil dan Sederhana Atap Singgora, pusat pembangunan wanita DUN Jelawat, homestay Kubang Telaga, Studio & Galeri SENDI dan Akademi Nik Rashiddin. Kedudukan Jajahan Bachok di sepanjang persisiran pantai dapat memberikan kelebihan dari aspek geografi. Keindahan pesisiran pantai yang masih terpelihara menjadi aset berharga yang memberikan nilai visual yang mampu menjadi tambahnilai sebagai elemen tarikan pelancongan. Selain itu, cara hidup masyarakat yang unik dimana masyarakat di Bachok ini mempunyai cara hidup nelayan tradisional yang memberikan keistimewaan kepada jajahan Bachok ini sebagai salah satu pusat tumpuan kebudayaan yang berwarisan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Rajah 4.1 Akademi Nik Rashiddin

Sumber: Kajian Lapangan

Melalui temubual bersama responden A, antara kawasan yang boleh disenaraikan Jejak Warisan yang berada di daerah Bachok adalah *Bukit Marak yang dimana ia terkenal dengan cerita Puteri Sadong. Bukit ini terletak sempadan dengan daerah Bachok dan Kota Bahru. Puncak bukit ini berada di daerah Bachok. Selain itu, pantai juga terkenal di daerah Bachok iaitu Pantai Senok, Pantai Kemayang, Pantai Melawi, Pantai Irama, Pantai Kandis. Bachok ini memiliki persisiran pantai yang panjang lebih kurang 33 kilometer.*



Rajah 4.2: Pantai Kemayang

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.3: Pantai Kandis
Sumber: Kajian Lapangan

Hal ini menunjukkan jelas yang diperkatakan oleh responden bahawa tempat-tempat yang disenaraikan itu mampu dijadikan kawasan jejak warisan yang berada di Bachok. Ini lagi jelas apabila terdapat sokongan yang menyatakan kawasan ini mampu dijadikan tempat jejak warisan oleh kerana nilai warisan yang dimilikinya itu mampu menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan pelancongan warisan. Melalui pemerhatian di daerah Bachok ini ia sangat terkenal dengan kawasan pelancongan warisan seperti persisiran pantai, kuala kubu gel, atap singgora dan sebagainya yang boleh disenaraikan sebagai kawasan jejak warisan. Pendapat ini disokong oleh responden B seperti berikut:

“Bersetuju mengatakan bahawa kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini seperti Kuala Kubu Gel, Telaga Jepun dan Atap Singgora. Hal ini kerana bagi pendapat responden itu kawasan ini memiliki sejarah tersendiri yang mampu menjadikan kawasan itu sebagai tapak warisan.”



Rajah 4.4: Kuala Kubu Gel

Sumber: Kajian Lapangan

Kawasan pelancongan warisan ini juga ada merangkumi dengan kawasan yang mempunyai motif warisan atau tradisional yang perlu ditunjukkan kepada masyarakat luar seperti akademi pondok, perusahaan dan sebagainya. Melalui temubual bersama responden C ini ada menyatakan seperti berikut:

“Kawasan jejak warisan yang boleh disenaraikan adalah di Akademi Nik Rashiddin. Manakala, bagi responden D pula, ia juga bersetuju bahawa Akademi Nik Rashiddin, atap singgora, Pantai Melawi, dan Pantai Senok juga boleh disenaraikan sebagai kawasan jejak warisan di daerah Bachok.”

4.3.2 Makanan Tradisional di Bachok

Di Kelantan ini selain kawasan pinggir pantai menjadi perhatian pelancong untuk kunjungi tetapi ada juga beberapa perusahaan makanan tradisional yang diperkenalkan dan unik seperti Nasi Kerabu, perusahaan Budu, Nasi Berlauk, Gula Melaka, Laksam, Akok dan sebagainya. Menurut Unknow (n.d), Nasi Kerabu, Nasi Dagang, Nasi Berlauk, Laksam, Solok Lada, Budu, Lompat Tikam, Buah Tanjung, dan Akok merupakan beberapa jenis makanan

tradisional yang terdapat di Negeri Kelantan. Sokongan melalui temubual yang dilakukan kepada responden A ini telah mengatakan seperti berikut:

“Projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Di Bachok ini sangat terkenal dengan perusahaan Gula Melaka (Nira Kelapa) di Kampung Haji Saman yang menghasilkan secara purata manisan ini sebanyak 250 keping setiap hari. Kemudian, perusahaan air Tuak yang berada di kampung Panjang, Seri Kemuning. Bachok ini dikenali dengan ibu pertanian yang telah menghasilkan seperti ikan kering di Kuban Kawah, Perupuk di Pantai Melawi. Ikan kering ini juga dikategorikan juga sebagai makanan tradisional. Seterusnya, perusahaan Budu iaitu proses pembuatan yang berada di Badak, Melawi di hujung Repek.”



Rajah 4.5: Gula Melaka

Sumber: Buku Bachok Bandar Pelancongan Islam

Hal ini jelas diperkatakan bahawa Negeri Kelantan ini adalah syurga makanan. Menurut Fairul Asmaini (n.d), menyatakan bahawa negeri ini mempunyai keenakan pelbagai jenis makanan yang ada. Makanan yang ditawarkan kepada pengunjung ini dengan harga yang berpatutan dan mampu milik oleh semua pengunjung. Menurut buku edisi pertama Bachok Bandar Pelancongan Islam (2017), mengatakan di daerah Bachok juga terdapat beberapa makanan tradisional yang dihasilkan yang mengekalkan keaslian dan nilai warisan yang ada di Bachok. Contohnya, banyak perusahaan makanan tradisional seperti pembuatan gula

Melaka, Budu, perusahaan ikan kering, perusahaan air tuak dan sebagainya. Pendapat responden B yang menyokong mengenai pernyataan tersebut seperti berikut:

“Di Bachok ini terdapat pembuatan gula melaka di Kampung Seri Kemunting. Ini merupakan salah satu makanan tradisional yang dihasilkan oleh komuniti di situ.”

Kawasan tumpuan seperti perusahaan Gula Melaka dan ikan masin yang menjadikan pengunjung memilih untuk kunjungi makanan tradisional di Bachok ini oleh kerana perusahaan ini merupakan sebahagian dari makanan tradisional mereka.

“Pada pendapat responden C juga bersetuju adanya aktiviti perusahaan pembuatan gula Melaka atau dikenali sebagai Nisa. Selain itu, makanan tradisional yang terdapat di Bachok ini seperti pembuatan budu dan perusahaan ikan kering di Pantai Kemayang.”

Namun terdapat lagi makanan tradisional yang kurang popular di daerah Bachok itu yang dimana pengunjung tidak ketahuinya. Melalui tembual dengan responden D ini ia menyenaraikan makanan tradisional lain yang terdapat di Bachok seperti berikut:

“Responden D kurang bersetuju dengan maklumat tersebut. Ini kerana bagi responden ini terdapat lagi banyak makanan tradisional yang di daerah Bachok ini seperti akok dan kuih kosu.”

4.3.3 Bilangan Populasi Pelancong

Menurut Remali Ysoff & Nor' Azurah Md Kamdari (2018), Sektor pelancongan ini adalah salah satu sektor yang dapat membantu untuk meningkatkan dan menambahkan sumber pendapatan negara dan dapat memperkenalkan Malaysia secara lebih dekat dan tepat mengenai Malaysia. Sektor pelancongan terutamanya dalam pelancongan pantai ini masih terdapat kekurangan dan perlu melakukan penambahbaikan supaya ianya lebih signifikan dan dikenali oleh golongan pelancong. Pelancongan kawasan pantai di sesetengah negeri masih ada lagi, terutamanya di Negeri Kelantan yang dimana banyak lagi dibiarkan dan tidak

dibangunkan dengan sempurna. Malah pembangunan sektor ini dapat juga membantu menarik pelancong ke kawasan pantai malahan dapat membantu menambah pendapatan isi keluarga setempat melalui pelbagai bentuk kegiatan tempatan seperti perniagaan dan lain-lain. Selain itu, kemasukan pelancong asing dan juga pelancong tempatan adalah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Hal ini terbukti apabila data statistik pada tahun 2016 adalah seramai 30 juta berbanding 17.6 juta orang pada tahun 2006. Negeri Kelantan pula menerima pelancong yang seramai 6.0 juta orang pada tahun 2007 berbanding 3.8 juta orang pada 2006. Hal ini jelas menunjukkan pelancongan di Negeri Kelantan ini menerima banyak pelancong oleh kerana keindahan pinggiran pantai yang ada. Pernyataan ini telah disokong oleh responden A seperti berikut:

“Pengunjung yang lebih ramai mengunjungi adalah di Pantai Senok. Pengunjung ini lebih ramai dalam mengunjungi kawasan jejak warisan ini pada hari jumaat dan sabtu. Lebih kurang dari 1000-1500 orang yang mengunjungi pada waktu tersebut. Kemudian, Kuala Kubu Gel dan Pantai Melawi pula merupakan salah satu tempat menarik yang lebih ramai pengunjung mengunjungi dalam seramai 1000 orang. Seterusnya, adanya tempat tarikan baru yang boleh dikunjungi oleh pengunjung adalah di Tapang di Kubang Golok. Iaitu kawasan tapak persendirian yang dijadikan sebagai sebuah pantai yang mempunyai chalet, wakaf, tempat berkelah yang disewa kepada pengunjung. Tempat ini mempunyai bilangan pengunjung seramai 500 orang dan paling ramai kunjungi pada hari jumaat dan sabtu.”



Rajah 4.6: Pantai Melawi

Sumber: Kajian Lapangan

Seterusnya, kawasan yang menjadi tarikan umum yang akan dikunjungi oleh pengunjung adalah kawasan seperti Kuala Kubu Gel yang dimana di Bachok ini ianya terkenal dengan kawasan bersejarah. Melalui temubual bersama responden B ini ia menyatakan terdapat bilangan yang ramai mengunjungi ke kawasan itu dalam masa sehari.

“Kawasan jejak warisan di Kuala Kubu Gel ini boleh mencapai seramai 500 orang pengunjung dalam sehari. Kemudian di telaga Jepun di Melawi pula tidak mempunyai sambutan daripada pengunjung oleh kerana kawasan ini ramai tidak mengetahui lagi dan terakhir di tempat atas singgora pula tidak boleh agak jumlah pengunjung yang kunjungi di situ.”

Kawasan pantai juga tidak lari dengan kehadiran pelancong yang ramai oleh kerana di Bachok ini sangat terkenal dengan pinggir pantai. Reponden D menyokong dengan memberitahu jumlah pengunjung dalam sehari mengunjungi ke kawasan itu seperti berikut:

“Anggaran jumlah pelancong yang boleh dicapai di Pantai Irama lebih kurang 300 ke atas pengunjung. Manakala, di Pantai Senok pula lebih kurang 100 orang pengunjung dalam sehari.”



Rajah 4.7: Pantai Irama
Sumber: Kajian Lapangan

4.3.4 Keistimewaan Kawasan Jejak Warisan

Menurut Prof. Dr. Amran Hamzah & Dr. Hairul Nizam Ismail (2008), dalam artikel beliau telah menyatakan bahawa Negeri Kelantan Darul Naim ini sememangnya sangat terkenal dengan keindahan sumber pelancongan budaya dan alam semulajadi yang sangat unik dan menarik. Contohnya, di Kota Bharu kaya dengan banyak bangunan-bangunan bersejarah yang mempunyai nilai seni bina yang ketara, tapak bersejarah dan keunikan tempatan budaya yang menganggumi negeri tersebut. Bandaraya Kota Bharu ini menggambarkan latar belakang mengenai seorang raja Melayu yang mempunyai sistem yang menarik oleh dengan kesetiaan dan penghormatan yang untuk raja. Sultan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Negeri Kelantan sebagai kota warisan khususnya di Kota Bharu. Sejarah kegemilangan kesultanan Kelantan ini dapat memberikan maklumat yang menarik untuk pelancong. Wilayah-wilayah Kelantan Selatan ini mempunyai banyak kawasan pelancongan yang ditawarkan kepada pelancong dalam bidang eko pelancongan dan agro pelancongan. Antaranya ialah kebanyakan air terjun, gunung, gua, sungai dan hutan tropika yang masih menjadi tarikan pelancong kepada pengunjung. Pernyataan ini disokong

melalui temubual yang dilakukan kepada responden A yang menyatakan kawasan ini mempunyai keistimewaan tersendiri seperti berikut:

“Pantai Senok merupakan kawasan yang menjadi tarikan pelancong disebabkan oleh pokok Rhu. Deretan pokok Rhu yang ditanam oleh Pejabat Perhutanan ini adalah kerana untuk mengelakkan hakisan pantai. Ini kerana kawasan di perisiran pantai Senok sehingga ke pantai Kemayang ini ia adalah berbentuk cerun. Manakala, dari pantai Kemayang sehingga ke pantai Kandis merupakan kawasan persisiran pantai berbentuk landai. Maka, kawasan berbentuk landai ini ia sangat bersesuaian untuk dijadikan kawasan riadah seperti mandi dan juga berkelah. Selain itu, persekitaran kawasan Pantai Melawi ini mempunyai persisiran pantai yang bersih dan cantik serta memiliki Kuala Kubu Gel yang dibina oleh Inggeris pada tahun 1941. Kesemua kubu ini memiliki sebanyak 12 buah kubu antaranya terdapat di Pantai Senok, Pantai Melawi, Kuala Kubu Gel, Kandis, Ank Rhu, Pantai Nipah, Pantai Baru, Pulau Belongan, Kubang Golok, dan Perupuk.”

Kemudahan fasiliti juga memainkan peranan yang penting dalam menjadikan kawasan jejak warisan itu menjadi pilihan kepada pengunjung untuk mengunjungi. Pernyataan ini disokong melalui temubual yang dilakukan kepada responden B seperti berikut:

“Keistimewaan yang ada pada kawasan jejak warisan ini ialah jika di Kuala Kubu Gel ini ia memiliki fasiliti lengkap yang telah dibaikpulih seperti tempat duduk, tandas awam dan juga surau. Selain itu, di telaga Jepun ini tidak melakukan apa-apa menaiktarafkan kawasan itu oleh kerana kawasan ini belum dikomesialkan sebab masih berada di dalam tanah orang.”



Rajah 4.8: Penambahan Fasilitas di Kuala Kubu Gel

Sumber: Kajian Lapangan

Keistimewaan yang ada di kawasan jejak warisan itu adalah dengan tawaran yang boleh dilakukan sendiri oleh pengunjung dalam aktiviti perusahaan atap singgora. Pernyataan ini telah disokong oleh responden C seperti berikut:

“Keistimewaan yang terdapat di kawasan jejak warisan ini adalah oleh kerana cara pembuatan yang ditawarkan di tempat perusahaan atap singgora itu sebagai satu aktiviti yang pengunjung boleh lakukan yang dimana tidak dapat merasai di tempat lain.”



Rajah 4.9: Atap Singgora

Sumber: Kajian Lapangan

Kemudian keindahan kawasan pinggir pantai juga merupakan salah satu sebab mengapa pengunjung memilih kawasan Bachok sebagai kawasan pelancongan, Pernyataan ini telah disokong oleh responden D melalui temubual seperti berikut:

“Kebanyakan pinggir pantai yang ada di Bachok ini merupakan pantai cerun yang bersesuaian untuk pengunjung beriadah dan pokok-pokok rhu yang ditanam di Pantai Senok ini merupakan satu tarikan kepada pengunjung dan dikenali sebagai Pantai Nami Malaysia.”



Rajah 4.10: Deretan Pokok Rhu di Pantai Senok

Sumber: Kajian Lapangan

4.3.5 Pelaksanaan Dalam Penjagaan Kawasan Jejak Warisan

Menurut Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah & Mohammad Ashraf Abdul Rahman (2011) dalam artikel beliau yang bertajuk Masalah dalam Pemuliharaan Bangunan di Malaysia ada menyatakan bahawa kerja-kerja pemuliharaan bangunan ini perlu dilakukan bagi mengekalkan nilai warisan yang ada pada bangunan tersebut. Bangunan ini perlu dijaga dan dikekalkan untuk dijadikan panduan dan pengetahuan sejarah generasi akan datang. Setiap bangunan yang perlu di baikpulih ini akan melalui proses pemuliharaan secara menyeluruh. Pemuliharaan yang dilakuka ini adalah kerja baikpulih dan memulihara bangunan dengan sebolehnya mengekalkan seni bina dan bahan binaan asal bangunan warisan

tersebut. Kerja penyelenggaraan adalah perkara yang penting mesti dilakukan bagi memastikan jangka hayat kegunaan bangunan ini dapat dipanjangkan terutamanya pada bangunan lama. Dari segi penjagaan juga merupakan salah satu perkara yang boleh dijaga untuk memulihara dan memanjang hayat sesuatu produk warisan. Melalui temubual bersama responden A ia berpendapat seperti berikut:

“Dari segi penjagaan yang lebih terjamin maka pihak beliau akan memberikan kerjasama dengan pihak swasta untuk memeliharaa kawasan Jejak Warisan. Pihak majlis akan membuka tender kepada felda-felda untuk menjaga dalam bahagian kebersihan. Dari segi kebersihan dan kecantikan ini pihak majlis akan membuka tender kepada pihak swasta yang berminta untuk meneliti kebersihan di kawasan tersebut. Contohnya, di kawasan Pantai Irama giat sedang menjalankan pembaikpulihan landskap. Sebelum ini Pantai Irama sudah mempunyai panel dalam penjagaan kebersihan dari segi untuk memastikan kawasan pantai itu bersih dan selesa kepada pengunjung. Kemudian, kawasan Pantai Senok ini telah diambil tender oleh pihak swasta untuk penjagaan kebersihan tandas. Seterusnya, bagi penjagaan kawasan pokok Rhu pula ia akan dikendalikan oleh petugas disitu seramai 2 orang untuk menjaga kebersihan. Selain itu, pihak beliau juga akan melakukan pemantauan yang berkala pada setiap hari Jumaat dan Sabtu di kawasan Pantai Senok dan Kemasin. Seterusnya, pihak beliau akan melakukan pemantauan dengan menggunakan pembesar suara untuk memberitahu bagi menjaga kebersihan, keselamatan dan bebas dari kawasan maksiat.”



Rajah 4.11: Keadaan Persekitaran Pantai Irama

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.12: Keadaan Persekitaran Pantai Senok

Sumber: Kajian Lapangan

Dalam menjaga sesuatu yang berwarisan ini ia memerlukan pemantauan yang berkala bagi menjadikan kawasan itu terjaga dan masih mengekalkan nilai warisan yang ada. Pernyataan ini disokong oleh responden B seperti berikut:

“Pihak beliau akan melakukan pemantauan dengan melakukan tagging dan penjagaan keselamatan di Bukit Marak. Di Kuala Kubu Gel dari segi penjagaan yang dilakukan ini pihak beliau akan bekerjasama dengan Majlis Daerah dengan melakukan penanaman pokok dan juga kebersihan.”

Penjagaan yang berkala ini memerlukan peruntukan daripada sesetengah pihak untuk bekerjasama dalam menghasilkan atau menjaga kawasan jejak warisan ini. Oleh itu, pendapat responden C menyokong pernyataan ini seperti berikut:

“Memperuntukkan kewangan untuk membuat inovasi baharu kepada perusahaan atap singgora dengan memperbaharui atap singgora itu dengan menjadikan sebagai produk cenderamata dan boleh dikomersialkan.”

Penjagaan yang berkala ini akan mengekalkan lagi keindahan di kawasan jejak warisan itu, maka penjagaan ini perlu dilakukan bagi memastikan lebih banyak pengunjung hadir dan dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat. Melalui temubual bersama responden D ia menyatakan:

“Cara pemuliharaan adalah dengan penjagaan kawasan jejak warisan itu untuk memastikan kawasan itu lebih terjaga dan dipelihara. Hal ini juga kawasan itu di jaga dengan rapi maka ini dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat.”

4.4 Analisis Dapatan Kajian Mengenai Potensi Pelancongan Yang Terdapat Di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok

4.4.1 Tersenarai Sebagai Tapak Warisan Dunia (UNESCO)

Menurut Solihah Mustafa, et al (2015), dalam jurnal beliau menyatakan bahawa badan UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) atau Organisasi Pendidikan Ilmu Pengetahuan dan Kebudayaan merupakan badan khusus PBB yang ditubuhkan pada tahun 1945. Tujuan utama penubuhan UNESCO ini adalah untuk menjadikan platform dimana ia akan membincangkan antara sejarah, budaya serta masyarakat. Warisan merupakan khazanah yang penting kepada negara dan menjadi aset untuk menarik kedatangan pelancong. Di Malaysia, terdapat empat Tapak Warisan Dunia

(TWD) yang mendapat pengiktirafan UNESCO yang pertama Taman Negara Kinabalu yang diwartakan sebagai Taman Negara pada tahun 1964. Taman Negara Kinabalu ini kaya dengan spesis tumbuhan berbunga, paku-pakis dan orkid. Oleh itu, Taman Negara Kinabalu yang mendapat pengiktirafan pada tahun 2000 oleh kerana keunikan alam semulajadi. Selain itu, Taman Negara Mulu juga mendapat pengiktirafan oleh kerana keunikan Puncak Pinnacles di sekitarnya. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua tapak ini diwartakan menjadi kategori warisan semulajadi.

UNESCO Tapak Warisan Dunia ini merupakan pengiktirafan yang akan diberikan oleh pihak UNESCO terhadap tempat-tempat yang penting dalam warisan dunia. Kawasan-kawasan ini diiktirafkan oleh kerana untuk memelihara lokasi-lokasi penting dari dimusnahkan oleh arus pemodenan. Di Malaysia, sehingga kini terdapat empat tempat yang diiktirafkan oleh pihak UNESCO sebagai World Heritage iaitu Gunung Mulu Sarawak, Taman Kinabalu Sabah, Lembah Lenggong Perak, Bandar Melaka dan GeorgeTown.

Oleh itu kawasan jejak warisan di Bachok ini kemungkinan boleh disenaraikan dalam UNESCO oleh kerana terdapat banyak nilai warisan yang ada pada sesuatu tempat tersebut dan sekali gus dapat meningkatkan kemajuan industri pelancongan di Malaysia, selain daripada untuk memelihara lokasi penting daripada musnah disebabkan arus pemodenan. Hal ini boleh menampakkan bahawa kawasan seperti Kuala Kubu Gel itu layak pada satu hari nanti disenaraikan oleh kerana ia menjadi satu destinasi yang bersejarah dan memiliki pelbagai keunikan terutama dari segi seni bina kubu yang sudah berusia sehingga ratusan tahun.

Menurut temu bual yang telah dilakukan bersama responden A ia berpendapat *“kawasan yang berpotensi untuk tersenarai sebagai tapak warisan dunia UNESCO adalah di Kualal Kubu Gel kerana ia memiliki sejarah tersendiri iaitu peninggalan kubu yang berzaman-zaman dahulu lagi. Kawasan kubu ini belum tersenarai dalam UNESCO kerana ia*

masih sepenuhnya dibawah penjagaan muzium dan perlu mempunyai beberapa prosedur sebelum disenaraikan.”



Rajah 4.13: Kuala Kubu Gel
Sumber: Kajian Lapangan

Pernyataan tersebut juga disokong oleh responden B melalui temubual yang menyatakan *“tapak Kuala Kubu Gel itu layak diiktirafkan oleh kerana mempunyai peninggalan sejarah semasa Perang Jepun”*

Bagi pendapat responden C pula ia menerangkan *bahawa “tidak semestinya kawasan yang lama dan juga elok dijadikan tapak warisan UNESCO tetapi jika kawasan itu mempunyai nilai ikonik yang tertentu juga boleh disenaraikan.”*

Temu bual yang dilakukan terhadap responden D pula ia menyatakan bahawa *“tapak Kuala Kubu Gel itu selayaknya diiktirafkan oleh UNESCO oleh kerana kawasan tersebut mempunyai nilai sentimental yang dimana ia mampu menyumbangkan kepada masyarakat setempat”*

4.4.2 Penambahbaikan Fasiliti Kawasan Jejak Warisan

Menurut Yahaya Ibrahim (2008), Pembangunan kemudahan untuk pelancong akan dilaksanakan apabila sesuatu kawasan itu telah dikenal pasti berpotensi dijadikan pusat

pelancongan yang bakal dikunjungi ramai. Oleh itu, langkah awal yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan ialah menyediakan perancangan peruntukkan yang sesuai bagi menyediakan kemudahan baharu dan juga menaik taraf kemudahan sedia ada untuk keselesaan pelancong dan mengindahkan kawasan tersebut.

Dalam usaha memajukan industri pelancongan, kemudahan infrastruktur yang baik adalah antara perkara yang perlu diutamakan (Yahaya Ibrahim, 2008). Dalam konteks penyediaan kemudahan pelancongan, infrastruktur yang baik merupakan elemen penyokong terpenting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memberikan kepuasan yang maksimum kepada pelancong. Kemudahan yang disediakan itu memudahkan pelancong untuk kesesuaian tapak warisan lain yang tidak memakan masa yang lama untuk melawat serta kawasan tersebut memberikan keselesaan kepada pengunjung. Kekurangan penyediaan fasiliti dan kemudahan yang lengkap dapat menjejaskan minat pelancong untuk berkunjung kerana mereka akan memilih kawasan yang menawarkan pelbagai jenis kemudahan asas.

Melalui temu bual bersama responden A ia memberi pendapat mengenai melalui *“penjagaan dan penambahbaikan fasiliti yang ada di kawasan jejak warisan ini pihak beliau akan memastikan untuk mengekalkan kebersihan dan keindahan yang boleh dinikmati oleh pengunjung. Contohnya, di Kuala Kubu Gel yang menaiktaraf kawasan dataran dan membuat penambahbaikan fasiliti tandas awam. Kemudian, Pantai Melawi yang membaikpulih kawasan dataran pantai yang memakan kos RM 350 ribu dan membaikpulih landskap yang menelan kos sebanyak RM 259 ribu.”*

Penambahbaikan fasiliti atau prasarana ini menjadi faktor yang turut diambil kira oleh pelancong untuk mengunjungi ke sesuatu kawasan jejak warisan agar kawasan yang dikunjungi itu tidak memakan masa yang lama serta memberikan keselesaan kepada pengunjung. Pernyataan ini lebih kuat apabila responden B bersetuju dengan pernyataan ini:

“Kuala Kubu Gel ini menyediakan fasiliti seperti tandas dan surau. Selain itu, pihak

beliau juga menyediakan lampu di persekitaran dataran serta dataran tersebut di tarap dengan batu bata serta ianya mempunyai pondok perhentian”



Rajah 4.14: Fasiliti Yang Terdapat di Kuala Kubu Gel

Sumber: Kajian Lapangan

Bagi menyediakan infrastruktur yang baik memerlukan perbelanjaan yang besar. Usaha mengadakan atau menaik taraf kemudahan ini merupakan tanggungjawab yang harus dikongsi oleh kedua-dua pihak iaitu Kerajaan dan Swasta. Pernyataan ini disokong oleh responden C yang memberi pendapat seperti berikut:

“Peruntukan dari Agensi Landskap Negara diberikan untuk mengekalkan kawasan itu sebagai tapak warisan”

Penyediaan kemudahan ini bukan sahaja memudahkan kepada pelancong malah ianya juga untuk memberikan manfaat kepada komuniti setempat untuk beriadah. Sekali gus ianya dapat menjaga keindahan alam di persekitaran itu. Responden D berpendapat:

“Kemudahan infrasturktu yang disediakan di kawasan pinggir pantai adalah dengan mencantikan kawasan di situ seperti tandas awam, premis perniagaan dan mencantikan kawasan itu dengan penanaman pokok.”



Rajah 4.15: Fasiliti Yang Terdapat di Pantai Irama

Sumber: Kajian Lapangan


4.4.3 Pemuliharaan Kawasan Jejak Warisan

Menurut Siti Nor Fatima Zuraidi. et al (2011), melalui jurnal beliau yang bertajuk Persidangan Kebangsaan Sains Sosial UNIMAS 2011: Pembangunan ke Arah Masa Depan yang Mapan menyatakan bangunan-bangunan warisan ini merupakan satu sejarah negara yang amat bernilai dan berharga. Bagi mengekalkan bangunan-bangunan warisan ini pemuliharaan atau penyelenggaraan hendaklah dijalankan untuk menjamin keutuhannya dari segi rekabentuk dan nilai seni bina. Pembaikan, penyelenggaraan, pemuliharaan, pembangunan semula dan penyesuaiangunaan merupakan prinsip-prinsip yang diguna dalam menjaga sesebuah bangunan warisan. Bangunan warisan ini perlu dijaga agar dapat menjadi bahan rujukan kepada generasi akan datang.

Kerja-kerja pemuliharaan termasuklah mengawal, memulihara, menyelidik dan melindungi monumen-monumen lama dan tapak sejarah adalah penting untuk menjadikan sumber kajian maklumat mengenai sejarah dan identiti budaya masa lampau. Hal ini nilai seni bina sesuatu bangunan serta lokasi bangunan yang boleh menjadi bahan bukti peninggalan sejarah. Oleh itu, kawasan jejak warisan yang ada di Bachok ini mempunyai nilai tersirat dan tersurat yang dimana ianya boleh dilihat dan disentuh dengan pancaindera secara realiti dan

seterusnya boleh menghayati nilai warisan di sesuatu kawasan tersebut. Oleh itu, kesemuanya mempunyai nilai yang saling berkait dengan budaya hidup masyarakat setempat dan secara tidak langsung ia membentuk alam persekitaran kawasan tersebut dengan nilai warisan yang ada.

Bagi pendapat responden A melalui temu bual yang dilakukan oleh pengkaji ia berpendapat *“usaha dalam pemuliharaan kawasan jejak warisan ini adalah dengan membuka tender kebersihan kepada pihak swasta untuk menjaga. Contohnya, di Pantai Melawi yang dijaga sepenuhnya oleh pihak Majlis sendiri serta di kawasan Pantai Melawi pula ia dijaga sepenuhnya oleh komuniti setempat.”*



Rajah 4.16: Iklan Tawaran Tender Kebersihan

Sumber: Kajian Lapangan

Seterusnya, melalui temu bual yang dilakukan kepada responden B berpendapat *“di setiap kawasan jejak warisan yang ada di daerah itu akan dibersihkan sebanyak dua kali sehari serta kebersihan tandas dan surau diserahkan sepenuhnya kepada pihak swasta yang mengambil tender dalam menjaga kawasan tersebut.”*

Responden D berpendapat bahawa *“pihak beliau akan melakukan penyelenggaraan di kawasan jejak warisan itu secara berkala sebanyak seminggu sekali yang dimana ianya akan memastikan kebersihan kawasan tersebut serta di Kuala Kubu Gel pemeliharaan yang dilakukan adalah dengan memagar kawasan kubu untuk memastikan kubu warisan itu dijaga dan mengekalkan nilai warisan yang ada.”*

4.4.4 Peruntukan Dalam Penyelenggaraan Kawasan Jejak Warisan

Menurut Adnan Jusoh (2017), dalam buku beliau yang bertajuk *Arkeopelancongan Di Malaysia antara prospek dan cabaran*, ada menyatakan peruntukan kewangan yang sering menjad isu utama dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan. Kebiasaanya, kos yang tinggi adalah disebabkan beberapa faktor, antara masalahnya kepakaran atau teknikal, bahan binaan, sensitiviti bangunan yang telah usang dan sebagainya. Bidang konservasi ini agak baru di negara ini menyebabkan tidak banyak individu (konservator) yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Justeru, kadar upah seorang konservator juga adalah tinggi kerana spesifikasi kerjanya yang unik dan tidak sama dengan bidang teknikal biasa. Hal ini menjadikan isu apabila kos yang tinggi dijadikan alasan oleh mereka untuk tidak bertanggungjawab untuk mengabaikan terus aspek pemuliharaan sehingga dalam jangka masa panjang ia boleh merugikan tinggalan khazanah warisan negara.

Bagi menyediakan infrastruktur yang baik memerlukan perbelanjaan yang besar. Usaha mengadakan atau menaik taraf kemudahan ini merupakan tanggungjawab yang harus dikongsi oleh kedua-dua pihak seperti Kerajaan dan Swasta. (Yahaya Ibrahim, 2008). Oleh itu, peruntukan kewangan yang mencukupi memainkan peranan yang penting dalam memuliharaan atau memelihara kawasan jejak warisan agar tidak terbiar begitu sahaja kerana khazanah warisan ini perlu dijaga sebaik mungkin untuk kegunaan generasi akan datang.

Responden A berpendapat bahawa *“sesetengah pihak akan memberikan peruntukan*

untuk menaiktaraf dan mengfokuskan kepada sesuatu kawasan. Contohnya, peruntukan yang diberikan kepada pihak muzium yang dilakukan di Kuala Kubu Gel untuk menaiktaraf papan tanda sebanyak RM 20 ribu dan landskap sebanyak RM 20 ribu dan wakaf gazebo. Seterusnya, di Pantai Irama ini memiliki dana dari Jabatan Landskap Negara sebanyak RM 530 ribu dan di Pantai Senok yang menaiktaraf papan turapan dari Pihak Berkuasa Tempatan dan di Pantai Melawi mendapat dana peruntukan dari Kerajaan Tempatan. Namun, sekarang ia meminta peruntukan dari Motac (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) untuk penyelenggaraan seperti kebersihan dan keselamatan di Pantai Senok”



Rajah 4.17: Papan Tanda di Kuala Kubu Gel
Sumber: Kajian Lapangan

Pendapat responden B menyatakan “ peruntukan diberikan oleh pihak SUK iaitu pihak Kerajaan Negeri Kelantan melalui Exco Pelancongan Negeri Kelantan untuk memelihara kawasan jejak warisan. Kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan oleh Majlis Daerah untuk menjaga kemudahan dan fasiliti yang terdapat di kawasan jejak warisan.”

Selain itu, melalui temu bual bersama responden C ia menyatakan “Jabatan Landskap Negara, Jabatan Muzium, Agensi Pelancong Negeri Kelantan, Pihak Majlis Daerah dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merupakan sebahagian agensi yang memberikan peruntukan dalam pemeliharaan kawasan jejak warisan.”

Seterusnya, pengkaji menemu bual bersama dengan responden D berpendapat

“Jabatan Muzium Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Feldra merupakan antara agensi yang memberikan peruntukan melalui bajet yang dikemukakan oleh pihak Majlis Daerah. Contohnya, Jabatan Muzium memperuntukan sebanyak RM 20 ribu bagi penambahbaikan fasiliti seperti tandas, jalan serta penanaman pokok”

4.4.5 Promosi Kawasan Jejak Warisan

Menurut Adnan Jusoh (2022), menyatakan dalam usaha untuk memasarkan jenama Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan yang patut dikunjungi, kerajaan melalui pelbagai agensinya telah melakukan promosi untuk memperkenalkan produk pelancongan negara ini. Antaranya, Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah mengajurkan acara *Malaysian Kitchen di London* untuk memperkenalkan kepelbagaian makanan tempatan kepada warga Britain. Selain itu, Tourim Malaysia juga melancarkan promosi yang dikenali *Myfest* di Mumbai Gateway, India. Selain itu, promosi juga di adakan di Asia Tengah iaitu Azakhstan International Tourism Fair (KITF) 2015 DI Kazakhstan. Acara ini didapati telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada warga negara berkenaan.

Selain itu, Kementerian Pelancongan juga aktif dalam menyertai pameran pelancongan berimpak tinggi terutama di pasaran baharu yang berpotensi besar seperti negara Timur Tengah dan juga negara Eropah Timur. Secara keseluruhannya, program promosi yang telah dilaksanakan dijangka akan merancakkan lagi sektor pelancongan di Malaysia. Pada masa yang sama kerajaan sentiasa berusaha dalam memperlbagaikan produk pelancongan warisan negara agar tidak terlalu bergantung pada produk sedia ada. Dengan cara ini promosi yang dijalankan juga mengambil kira perkembangan semasa dan cita rasa khalayak yang sentiasa memerlukan pembaharuan dalam produk.

Kaedah promosi ini adalah salah satu inisiatif yang dilakukan untuk memperkenalkan

kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok. Melalui temu bual yang dilakukan oleh pengkaji kepada responden A berpendapat “ *kaedah yang digunakan adalah melalui media sosial dengan menubuhkan satu kumpulan penerangan dan pelancongan di bawah Majlis Daerah untuk merekodkan gambaran dan video di kawasan jejak warisan dan memuatnaik di Portal Majlis seperti Facebook dan Tiktok. Selain itu, buku terbitan dari pihak kami yang bertajuk Bachok sebagai Bandar Pelancongan Islam merupakan salah satu cara untuk mempromosikan kawasan jejak warisan yang ada di Bachok.*”



Rajah 4. 18: Laman Web Rasmi Majlis Daerah Bachok

Sumber: Google (<https://mdbachok.kelantan.gov.my/>)

Melalui temubual pengkaji bersama dengan responden B berpendapat “ *cara promosi yang dilakukan adalah membuat program untuk menarik minat pengunjung untuk mengunjungi. Program perasmian di Kuala Kubu Gel yang membuat program seperti kayuhan basikal bersama komuniti di sekitar itu. Selain itu, promosi yang dilakukan di Facebook Majlis Daerah Bachok dan Tiktok.*”

Langkah promosi yang betul membantu untuk memperkenalkan kawasan jejak warisan kepada orang ramai oleh kerana bukan sahaja sesuai dengan kawasan pelancongan malah ianya bersesuaian untuk menjadikan masyarakat meneliti dan memahami nilai warisan yang ada. Kaedah promosi yang digunakan pada zaman sekarang adalah lebih fokus kepada media sosial. Responden C berpendapat “ *kaedah media sosial seperti Facebook dan website*

Protal Majlis Daerah Bachok merupakan insiatif yang digunakan. Selain itu, melalui Agensi Kerajaan Jabatan Pelancongan Negeri Kelantan.”



Rajah 4.19: Laman Rasmi Facebook Majlis Daerah Bachok

Sumber: Facebook (<https://www.facebook.com/mdbbpi>)

Pendapat responden D pula menyatakan *“hebahan yang dilakukan melalui media sosial seperti Facebook dan laman web Majlis Daerah merupakan cara untuk mempromosikan kawasan jejak warisan yang ada.”*

4.5 Kesan Ekonomi Masyarakat Setempat Terhadap Jejak Warisan Yang Ada Di Daerah Bachok

4.5.1 Analisis Dapatan Responden


Dalam bahagian ini akan mengandungi mengenai data-data yang mempunyai kaitan dengan latar belakang demografi bagi setiap responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Maklumat yang diperolehi ini adalah berdasarkan bahagian-bahagian yang dijawab oleh setiap responden atau komuniti yang berada di daerah Bachok. Maklumat ini akan disebarikan melalui link *google form* yang mengandungi soalan soal selidik bagi mencapai

objektif yang dibuat. Maklumat-maklumat tersebut adalah berkaitan dengan jantina, umur, bangsa, status, taraf pendidikan dan pekerjaan.

4.5.2 Demografi Responden Berdasarkan Jantina

JANTINA	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
Perempuan	190	50.1
Lelaki	189	49.9

JADUAL 4.5.2 : Taburan Responden Mengikut Jantina




Rajah 4.20: Peratusan Responden Mengikut Jantina

Taburan responden mengikut jantina bagi komuniti yang berada di daerah Bachok ini yang menunjukkan bahawa seramai 190 orang ataupun (50.1%) daripada responden kajian ini adalah terdiri daripada golongan perempuan, manakala seramai 189 orang ataupun (49.9%) daripada responden adalah lelaki. Oleh itu, ini menunjukkan jumlah responden perempuan adalah melebihi responden lelaki. Hal ini dikatakan kerana golongan lelaki kurang berminat untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan berbanding dengan golongan perempuan.

4.5.3 Demografi Responden Berdasarkan Umur

UMUR (TAHUN)	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
18-29	211	55.7
30-40	67	17.7
41-50	68	17.9
51 tahun ke atas	33	8.7

Jadual 4.5.3 : Taburan Responden Mengikut Umur



Rajah 4.21: Peratusan Responden Mengikut Umur


Taburan responden mengikut umur menunjukkan seramai 211 orang ataupun (55.7%) yang berusia dalam lingkungan 18-29 tahun. Manakala, seramai 67 orang ataupun (17.7%) responden yang berumur sekitar 30-40 tahun. Responden yang berumur 41-50 tahun pula mempunyai frekuensi seramai 68 orang ataupun (17.9%). Manakala, responden yang berumur 51 tahun ke atas adalah seramai 33 orang ataupun (8.7%). Hal ini menunjukkan, golongan

yang paling rendah dalam lingkungan yang berumur 51 tahun ke atas. Ini kerana faktor utama yang kurang menyumbang dalam lingkungan yang berumur 51 tahun ke atas ini adalah disebabkan oleh kerana golongan ini kurang berminat untuk mengunjungi ke kawasan kajian atau kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini. Oleh itu, data yang diperolehi ini kurang diperolehi dari golongan itu berbanding dengan golongan yang berumur 18-29 tahun.

4.5.4 Demografi Responden Berdasarkan Bangsa

BANGSA	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
Melayu	300	79.2
Cina	44	11.6
India	24	6.3
Dan Lain-lain	11	2.9

Jadual 4.5.4: Taburan Responden Mengikut Bangsa




Rajah 4.22: Peratusan Responden Mengikut Bangsa

Jadual 4.5.4 dan rajah 4.22 ini menunjukkan taburan responden mengikut bangsa. Ini menunjukkan bahawa seramai 300 orang atau (79.2%) responden merupakan dalam golongan bangsa Melayu. Bangsa Melayu merupakan kelompok yang terbesar daripada kelompok bangsa lain. Selain itu, responden daripada kelompok bangsa Cina ini menunjukkan seramai 44 orang atau (11.6%) responden. Bagi bangsa India pula ia mengumpul seramai 24 orang ataupun (6.3%) responden. Manakala untuk responden yang berbangsa lain-lain ini ia seramai 11 orang atau (2.9%) responden. Kelompok bagi bangsa lain-lain ini adalah responden yang paling rendah. Hal ini kerana secara majoritinya di negeri Kelantan ini memiliki kelompok melayu yang terbesar.

4.5.5 Demografi Responden Berdasarkan Status

STATUS	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
Bujang	193	50.8
Berkahwin	183	48.4
Duda/ Janda	3	0.8

Jadual 4.5.5: Taburan Responden Mengikut Status



Rajah 4.23: Peratusan Responden Mengikut Status

Jadual 4.5.5 dan Rajah 4.23 ini menunjukkan taburan responden mengikut status. Responden yang berstatus bujang lebih ramai daripada status berkahwin dan duda/ janda. Seramai 193 orang atau (50.8%) menunjukkan yang berstatus bujang. Selain itu, berstatus berkahwin pula adalah seramai 183 orang atau (48.8%) responden. Manakala, responden yang berstatus duda/ janda ini menunjukkan responden yang paling rendah iaitu seramai 3 orang atau (0.8%) responden. Hal ini responden yang paling ramai adalah yang berstatus bujang disebabkan golongan ini lebih menggemari untuk berkunjung ke kawasan jejak warisan itu. Kawasan kajian ini adalah tumpuan golongan bujang untuk melakukan aktiviti dan juga bersantai.


MALAYSIA

KELANTAN

4.5.6 Demografi Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan

TARAF PENDIDIKAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
Sekolah Rendah	5	1.3
Sekolah Menengah	42	11.1
Diploma	113	29.9
Ijazah	212	56.1
Master	6	1.6
Phd	0	0

Jadual 4.5.6: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan



Rajah 4.24: Peratusan Responden Mengikut Taraf Pendidikan


Taburan responden mengikut taraf pendidikan ini menunjukkan kelompok yang paling tinggi adalah responden dari kalangan Ijazah iaitu seramai 212 orang ataupun (56.1%). Responden dari kalangan sekolah rendah adalah seramai 5 orang atau (1.3%). Seramai 42 orang atau (11.1%) merupakan golongan kelompok sekolah menengah. Kemudian, seramai

113 orang atau (29.9%) merupakan kelompok golongan daripada taraf pendidikan Diploma. Manakala, bagi taraf pendidikan bagi kelompok Master ia mempunyai seramai 6 orang ataupun (1.6%) dan yang terakhir daripada kelompok Phd yang tidak mempunyai responden. Hal ini terbukti dapat dilihat bahawa kelompok golongan taraf pendidikan Ijazah merupakan yang paling tertinggi berbanding yang lain. Hal ini disebabkan oleh kerana golongan ini mempunyai pengetahuan yang tinggi mengenai warisan yang harus dipelihara serta merupakan golongan yang mempunyai kaitan dalam bidang warisan ini.

4.5.7 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan

PEKERJAAN	BILANGAN RESPONDEN (ORANG)	PERATUS (%)
Kerajaan	31	8.5
Swasta	58	15.3
Bekerja Sendiri	90	23.8
Tidak Bekerja	32	8.5
Pelajar	166	43.9


Jadual 4.5.7: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan



Rajah 4.25: Peratusan Responden Mengikut Pekerjaan

Jadual 4.5.7 dan Rajah 4.25 menunjukkan demografi responden mengikut pekerjaan yang dimana kelompok yang tertinggi adalah daripada kelompok pelajar iaitu seramai 166 orang atau (43.9%). Responden dari kelompok pekerjaan kerajaan pula memiliki seramai 31 orang ataupun (8.5%). Kemudian, bagi kelompok pekerjaan swasta pula mempunyai seramai 58 orang ataupun (15.3%). Manakala, bagi kelompok pekerjaan yang bekerja sendiri pula ia mempunyai 90 orang ataupun (23.8%) dan yang terakhir pula bagi kelompok pekerjaan yang tidak bekerja pula ia mempunyai seramai 32 orang ataupun (8.5%). Hal ini menunjukkan bahawa kelompok golongan bagi pekerjaan pelajar ini ia merupakan kelompok yang paling tertinggi dalam menjawab soal selidik ini berbanding dengan kelompok yang lain. Ini berkemungkinan adalah kerana golongan pelajar ini merupakan golongan yang lebih terdedah dengan kawasan-kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini kerana ada majoritinya golongan pelajar ini merupakan kelompok dari negeri luar.


4.5.8 Aktiviti Pelancongan Kawasan Jejak Warisan Di Daerah Bachok



Rajah 4.26: Peratusan Responden Mengikut Aktiviti Pelancongan di Daerah Bachok ini Mampu Meningkatkan Pendapatan Penduduk Setempat.

Dalam Rajah 4.26 yang ditunjukkan di atas ini ia memaparkan berkaitan dengan peratusan responden mengikut aktiviti pelancongan di daerah Bachok ini mampu meningkatkan pendapatan penduduk setempat. Hal ini dapat dilihat dengan kutipan data responden ini menunjukkan responden yang sangat tidak setuju adalah seramai 42 orang ataupun 11%. Manakala, responden yang tidak setuju melebihi responden sangat tidak setuju iaitu sebanyak 51 orang atau 13%. Seterunya, responden yang sederhana setuju pula adalah seramai 60 orang atau 16%. Responden yang setuju adalah paling tinggi iaitu seramai 118 orang atau 31% dan responden sangat setuju adalah kedua tertinggi iaitu seramai 108 orang ataupun 29%. Hal ini dapat dilihat responden yang tertinggi menunjukkan mereka bersetuju dengan aktiviti pelancongan ini mampu meningkatkan pendapatan penduduk setempat oleh kerana kebanyakan komuniti setempat di daerah itu menjadikan aktiviti jual beli ini sebagai satu punca rezeki mereka. Oleh itu, dengan cara ini ia menjadikan kedatangan pelancong ini memberikan peluang untuk mereka menjana pendapatan.

4.5.9 Kelebihan Kawasan Pelancongan



Rajah 4.27: Peratusan Responden Mengikut Kawasan Pelancongan Yang Strategik Dapat Memberikan Kelebihan Kepada Penduduk Setempat Untuk Menjalankan Aktiviti Jual Beli


Rajah 4.27 ini menunjukkan bahagian kawasan pelancongan yang strategik dapat memberikan kelebihan kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti jual beli. Carta ini menunjukkan bahagian responden yang sangat setuju menunjukkan bahagian yang paling tinggi iaitu seramai 106 orang ataupun 28%. Manakala, bahagian kedua tertinggi pula adalah bahagian responden yang setuju iaitu seramai 100 orang atau 26%. Bahagian untuk responden tidak setuju merupakan bahagian responden yang ketiga tertinggi iaitu seramai 71 orang atau 19% dan kemudian bahagian sederhana setuju mempunyai seramai 66 orang atau 17% dan bahagian terakhir pula adalah seramai 36 orang ataupun 10%. Dapatan data ini dapat dilihat dengan keseluruhan reponden yang sangat setuju bahawa kawasan pelancongan yang ada di daerah ini memiliki potensi yang tinggi untuk memberikan kelebihan kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti jual beli. Hal ini kerana kawasan pelancongan ini menjadi tarikan pelancongan tidak kira didalam dan luar negara maka penduduk di kawasan

Bachok ini memberikan kelebihan kepada mereka untuk menjual barangan atau produk warisan bagi mengenal produk warisan kepada pelancong.



Rajah 4.28: Kawasan Gerai Makan di Pantai Kemasin
 Sumber: Kajian Lapangan

4.5.10 Kegiatan Sumbangan Pelancongan




Rajah 4.29: Peratusan Responden Mengikut Kawasan Pantai Yang Terdapat di Daerah Bachok ini Menyumbangkan Kepada Peningkatan Kegiatan Pelancongan.

Taburan responden ini menunjukkan bahagian yang mengikut kawasan pantai yang terdapat di daerah Bachok ini menyumbangkan kepada peningkatan kegiatan pelancongan. Rajah di atas ini menunjukkan responden yang sangat tidak setuju mempunyai taburan responden sebanyak 32 orang ataupun 8%. Manakala, bagi kutipan data bagi responden yang menjawab tidak setuju adalah 59 orang ataupun 16% dan responden yang sederhana setuju pula mempunyai responden sebanyak 77 orang ataupun 20%. Bagi responden yang menjawab setuju pula mempunyai seramai 98 orang atau 26% dan bagi taburan responden yang menjawab sangat setuju pula mempunyai 112 orang ataupun 30%. Hal ini dapat dilihat bahawa kebanyakan kawasan di daerah Bachok ini sangat popular dengan tarikan keindahan pantai yang ada disekitar Bachok seperti Pantai Irama, Pantai Senok, Pantai Melawi, Pantai Kemayan, Pantai Kemasin dan Pantai Kandis. Oleh itu, kawasan pantai ini merupakan tarikan utama kepada pelancong untuk meningkatkan pelancongan di kawasan itu.



Rajah 4.30: Pantai Senok
Sumber: Kajian Lapangan

4.5.11 Kedatangan Pelancong Meningkatkan Pendapatan Komuniti Setempat




Rajah 4.31: Peratusan Responden Mengikut Kedatangan Pelancong Dalam Negara dan Luar Negara Dapat Meningkatkan Pendapatan Komuniti di Sekitar Daerah Bachok.

Rajah 4.31 di atas ini ia menunjukkan taburan responden mengikut kedatangan pelancongan dalam negara dan luar negara dapat meningkatkan pendapatan komuniti di sekitar Bachok. Taburan responden ini menunjukkan responden yang menjawab sangat setuju adalah responden yang tertinggi dalam dapatan kajian ini yang menunjukkan seramai 108 orang ataupun 28% manakala bagi kedudukan kedua tertinggi pula adalah responden yang menjawab setuju memiliki taburan responden sebanyak 102 orang ataupun 27%. Bagi kedudukan ketiga tertinggi pula adalah taburan responden yang menjawab sederhana setuju iaitu seramai 69 orang ataupun 18% dan bagi yang menjawab tidak setuju merupakan responden kedua terakhir dengan dapatan seramai 67 orang ataupun 18%. Bagi kumpulan terakhir pula memiliki sebanyak 33 orang ataupun 9%. Hal ini menunjukkan taburan responden yang adalah sangat setuju dengan kedatangan pelancong dalam negara dan luar negara ini dapat meningkatkan pendapatan komuniti di daerah itu kerana kawasan yang

berada di daerah Bachok kebanyakannya adalah tempat yang strategik untuk aktiviti pelancongan. Hal ini apabila kedatangan pelancong ini memberikan kelebihan kepada komuniti setempat untuk menjana pendapatan mereka untuk menjual barangan kepada pelancong. Kebanyakan kawasan di Bachok ini adalah kawasan yang tarikan pelancong oleh kerana nilai warisan yang ada pada setiap kawasan tersebut. Oleh itu, sekali gus memberikan kepada komuniti setempat untuk meniaga atau menjual beli barangan produk mereka.

4.5.12 Peluang Pekerjaan kepada Komuniti Setempat



Rajah 4.32: Peratusan Responden Mengikut Industri Pelancongan Yang Terdapat di Bachok Dapat Menyediakan Peluang Pekerjaan Kepada Komuniti Setempat.

Taburan responden ini menunjukkan dapatan kajian mengenai industri pelancongan yang terdapat di Bachok dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Taburan ini menunjukkan bagi responden yang menjawab sangat tidak setuju adalah seramai 35 orang ataupun 9%. Manakala bagi taburan responden yang menjawab tidak setuju dan juga sederhana setuju memiliki responden yang menjawab adalah sama iaitu seramai 67 orang

ataupun 18%. Kemudian bagi taburan responden yang menjawab setuju adalah seramai 96 orang ataupun 25% dan yang menjawab sangat setuju pula memiliki seramai 114 orang ataupun 30%. Hal ini dapat dilihat dengan taburan responden ini menunjukkan mereka bersetuju dengan industri pelancongan yang terdapat di Bachok dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat oleh kerana dengan penjanaaan menjual produk mereka ini membantu untuk memberikan peluang pekerjaan kepada mereka untuk berniaga di sekitar kawasan pelancongan seperti di kawasan pantai. Namun, jika dibandingkan dengan taburan responden yang menjawab paling rendah adalah kerana kemungkinan bagi mereka sektor pelancongan ini bukan satu-satunya sektor yang menyumbangkan mereka peluang pekerjaan kerana majoriti penduduk di Bachok ini ada menjalankan pekerjaan seperti nelayan yang menjadi aktiviti kegiatan utama dalam kehidupan mereka.



Rajah 4.33: Gerai yang Terdapat di Pantai Senok

Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.34: Aktiviti Perniagaan di Pantai Irama


Sumber: Kajian Lapangan



Rajah 4.35: Premis Perniagaan di Pantai Melawi

Sumber: Kajian Lapangan

4.5.13 Produk Ekopelancongan Menjadi Tarikan Utama Pelancong




Rajah 4.36: Peratusan Responden Mengikut Produk Ekopelancongan Yang Terdapat di Bachok Menjadi Tarikan Utama Kepada Pelancong Untuk Melancong.

Taburan responden di rajah ini menunjukkan dapatan kajian mengenai produk ekopelancongan yang terdapat di Bachok menjadi tarikan utama kepada pelancong untuk melancong. Dalam taburan responden ini ia menunjukkan taburan responden yang sangat setuju dan setuju mempunyai perbezaan seorang sahaja dalam kutipan data ini. Responden yang menjawab sangat setuju adalah responden yang tertinggi iaitu seramai 111 orang atau 29% manakala bagi responden yang menjawab setuju mempunyai 110 orang atau 29%. Kemudian, responden yang menjawab sederhana setuju memiliki responden seramai 63 orang atau 17%. Responden yang menjawab tidak setuju pula adalah 70 orang atau 18% dan bagi responden yang menjawab sangat tidak setuju adalah seramai 25 orang dan 7%. Hal ini kerana responden yang menjawab sangat setuju adalah sangat tinggi oleh kerana kebanyakan persekitaran yang ada di daerah Bachok ini merupakan pelancongan yang bertujuan untuk menikmati dan menghayati pengalaman alam semula jadi dan kebudayaan. Oleh itu, kawasan

Bachok ini kebanyakan memiliki kawasan pelancongan yang berasaskan alam semulajadi seperti kawasan pantai dan bukit seperti bukit Marak yang memiliki sejarah tersendiri.

4.5.14 Kemudahan Pengangkutan dan Penginapan kepada Pelancong




Rajah 4.37: Peratusan Responden Mengikut Kemudahan Pengangkutan dan Penginapan Yang Disediakan Kepada Pelancong Dapat Meningkatkan Pendapatan Komuniti Setempat.

Rajah 4.37 diatas ini ia menunjukkan taburan responden yang menjawab bagi persoalan kemudahan pengangkutan dan penginapan seperti resort yang disediakan kepada pelancong dapat meningkatkan pendapatan komuniti setempat. Taburan ini menunjukkan responden yang menjawab sangat tidak setuju ia memiliki seramai 30 orang ataupun 8%. Manakala bagi responden yang menjawab tidak setuju pula ialah seramai 67 orang atau 18% dan responden yang menjawab sederhana setuju pula memilik 64 orang atau 17% manakala yang setuju pula ia menjawab seramai 101 orang atau 26%. Seterusnya, bagi taburan responden yang menjawab sangat setuju memiliki seramai 117 orang atau 31%. Hal ini dapat dilihat dengan kemudahan pengangkutan dan penginapan yang menjadi punca utama kepada pelancong

untuk memilih Bachok ini sebagai kawasan pelancongan yang strategik. Hal ini kerana kemudahan yang tersedia ini mampu memberikan manfaat kepada pengunjung untuk membuat perniagaan penginapan dan pengangkutan yang memudahkan pengunjung untuk ke kawasan pelancongan dengan mudah. Kemudahan penginapan yang ada pada setiap deretan kawasan pantai ini memberikan pengunjung lagi mudah untuk mengunjungi kawasan tersebut.

4.5.15 Produk Pelancongan Warisan yang Unik




Rajah 4.38: Peratusan Responden Mengikut Produk Pelancongan Yang Unik Dapat Membuatkan Pelancong Memilih Untuk Berkunjung ke Bachok.

Rajah 4.38 ini menunjukkan taburan responden mengikut produk pelancongan yang unik dapat membuatkan pelancong memilih untuk berkunjung ke Bachok. Dalam carta ini menunjukkan peratusan yang sangat setuju dan setuju mempunyai perbezaan satu responden sahaja iaitu responden yang sangat setuju memiliki responden seramai 115 orang ataupun 30% manakala responden yang setuju pula seramai 114 orang ataupun seramai 30%. Seterusnya, responden yang sederhana setuju pula memiliki seramai 57 orang ataupun 15%

kemudian bagi responden yang menjawab tidak setuju pula memiliki seramai 61 orang atau 16%. Terakhir responden yang menjawab sangat tidak setuju pula memiliki seramai 32 orang atau 9%. Hal ini menunjukkan responden sangat setuju bahawa produk pelancongan yang unik dapat membuatkan pelancong memilih untuk berkunjung ke Bachok. Ini kerana di daerah Bachok ini memiliki pelbagai jenis produk warisan yang mengikut kategori masing-masing. Contohnya, dari segi industri keaslian seperti terdapat produk makanan yang unik berbeza dengan negeri lain seperti di Bachok ini terkenal dengan pemprosesan budu, perusahaan air tuak, perusahaan bahu dan perusahaan ikan kering. Kemudian, di daerah Bachok ini pula memiliki elemen pelancongan keagamaan seperti masjid atau madrasah (Masjid Mahmudi Bachok), pondok moden pusat pengajian Kandis dan sekolah-sekolah agama ketik dan kuil. Selain itu, terdapat juga nilai kebudayaan, sejarah dan warisan yang terdapat di tapak seperti Kubu Vietnam, Bukit Marak dan Lagenda Puteri Saadong, Kubu Tentera Inggeris, Sekolah Beruk, Akademi Nik Rasiddin dan Pasar Jelawat. Hal ini menunjukkan Bachok ini memiliki pelbagai jenis produk warisan yang menarik serta unik dan tidak terdapat di negeri lain. Oleh itu, dengan kemanisan nilai warisan yang ada ini membuatkan tarikan pelancong untuk melancong ke daerah Bachok.

4.5.16 Nilai Sejarah Pada Setiap Kawasan Pelancongan



Rajah 4.39: Peratusan Responden Mengikut Nilai Sejarah Yang Terdapat Pada Setiap Kawasan Pelancongan di Bachok ini Menjadi Punca Utama Pelancong Memilih Untuk Melancong ke Bachok.

Taburan responden di atas ini menunjukkan mengenai nilai sejarah yang terdapat pada setiap kawasan pelancongan di Bachok ini menjadi punca utama pelancong memilih untuk melancong ke Bachok. Dalam kutipan data responden ini ia menunjukkan bagi responden yang menjawab sangat setuju dan setuju mempunyai bilangan responden yang sama iaitu seramai 115 orang ataupun 30%. Kemudian bagi kedua tertinggi pula adalah responden yang menjawab tidak setuju iaitu seramai 64 orang atau 17% dan ketiga responden yang menjawab sederhana setuju adalah kedua terendah iaitu mempunyai seramai 56 orang ataupun 15%. Terakhir responden yang menjawab sangat tidak setuju adalah paling rendah iaitu seramai 29 orang ataupun 8%. Hal ini dapat dilihat dengan responden setuju bahawa setiap kawasan pelancongan di Bachok ini memiliki nilai sejarah tersendiri yang membuatkan pelancong memilih daerah Bachok ini sebagai kawasan pelancongan. Contohnya, di daerah Bachok ini memiliki kawasan riadah seperti mendaki bukit seperti Bukit Marak yang terletak di dalam daerah Berkelam iaitu 12.8 kilometer daripada Kota Bharu ke arah timur dan 19.2 kilometer

daripada Bandar Bachok. Bukit Marak ini memiliki sejarah tersendiri yang dimana ia mempunyai hubung kait dengan sejarah Kesultanan Negeri Kelantan yang dikaitkan dengan Puteri Saadong dan lagenda-lagenda yang berkaitan. Puteri Saadong yang merupakan anak angkat kepada Che Siti Wan Kembang dikatakan pernah bersemayam di Bukit Marak yang terletak di daerah Berkelam setelah kemangkatan suaminya iaitu Raja Abdullah pada tahun 1671. Selain itu, terdapat juga kawasan pelancongan seperti kubu inggeris yang mempunyai nilai sejarah tersendiri seperti kubu ini memperingatkan tinggalan sejarah yang sebenar yang dimana kubu-kubu kebal yang dibina tentera British pada zaman Perang Dunia Kedua. Kubu ini dibina oleh kerana ia menjadi hasil maklumat risikan yang menjangka Jepun menyerang Tanah Melayu. Oleh itu, ini jelas menunjukkan bahawa setiap kawasan yang tersenarai dalam Jejak Warisan ini memiliki sejarah tersendiri yang boleh dinikmati ketika berkunjung ke kawasan pelancongan tersebut.



Rajah 4.40: Bukit Marak


Sumber: Google (<https://www.flickr.com/photos/159732905@N05/37785780532>)



Rajah 4.41: Kuala Kubu Gel

Sumber: Kajian Lapangan

4.5.17 Produk Kraftangan Faktor Sumbangan Dalam Peningkatan Pendapatan Komuniti



Rajah 4.42: Peratusan Responden Mengikut Produk Kraftangan Yang Dihasilkan oleh Penduduk Setempat Juga Menjadi Salah Satu Faktor Sumbangan Dalam Peningkatan Pendapatan Komuniti di Bachok.

Rajah diatas menunjukkan bahawa taburan dapatan kajian mengenai produk kraftangan yang dihasilkan oleh pebduduk setempat juga menjadi salah satu faktor sumbangan dalam peningkatan pendapatan komuniti di Bachok. Dari hasil dapatan menunjukkan responden yang menjawab sangat setuju merupakan responden yang paling tertinggi iaitu serami 125 orang ataupun 33%. Manakala bagi responden yang menjawab setuju pula ia merupakan responden kedua tertinggi iaitu seramai 103 orang ataupun 27%. Responden yang ketiga tertinggi adalah merupakan responden yang menjawab sederhana setuju dan juga tidak setuju yang mengumpul data sama rata iaitu seramai 59 orang atau 16%. Responden yang terendah pula adalah yang menjawab sangat tidak setuju yang mengumpul data seramai 33 orang ataupun 9%. Hal ini dapat dilihat bahawa responden bersetuju bahawa produk kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti setempat ini adalah memainkan peranan yang penting dalam menjana pendapatan masyarakat. Contohnya, di Bachok ini memiliki perusahaan atap Singgora yang menggunakan perusahaan dengan atap bata. Pengusaha yang dikenal di Bachok ini adalah Mek Jah yang merupakan pelapor dalam perusahaan atap Singgora yang menggunakan teknologi yang dibawa oleh komuniti di Thailand ke Kelantan.



Rajah 4.43: Kraftangan yang Terdapat di Akademi Nik Rashiddin

Sumber: Kajian Lapangan

4.6 Penutup

Industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti yang sering memberikan pulangan besar kepada negara. Kegiatan pelancongan warisan adalah salah satu penyumbang dalam peningkatan pelancong yang mengunjungi ke dalam negara Malaysia. Hal ini kerana perkembangan sesuatu kegiatan pelancongan ini ia bergantung kepada bilangan pelancong yang berkunjung ke sesuatu destinasi yang dapat memberikan tarikan kepada mereka. Antara sebab mendapat sambutan kunjungan oleh kerana sesebuah destinasi pelancongan yang memiliki kawasan seperti kawasan riadah dan rekreasi termasuklah di kawasan pantai, tanah tinggi atau hutan, kawasan-kawasan bersejarah dan tempat membeli belah. Tinggalan-tinggalan sejarah juga sering digunakan sebagai salah satu tarikan pelancong.

Selain itu, industri pelancongan ini merupakan salah satu industri yang menjadi fokus kepada negara untuk meningkatkan pendapatan mereka yang mempunyai sumber alam semulajadi dan keindahan alam semulajadi yang banyak. Maka Jejak Warisan yang ada di mampu menarik minat kedatangan pelancong asing ke Malaysia khususnya telah banyak membantu dan menyumbangkan dalam peningkatan pendapatan negara dari segi pertukaran matawang asing. Oleh itu, industri pelancongan ini perlu diperluaskan dan diperkukuhkan lagi. Hasil daripada perkembangan pesat sektor pelancongan ini ia mampu menjadikan sesebuah kawasan tersebut sebagai pusat pelancongan yang terkenal dan dikenali.

Justeru, melalui kawasan Jejak Warisan yang ada di Daerah Bachok ini menjadikan kawasan sekitar itu dapat meraih pendapatan dengan menjual hasil-hasil kraftangan, makanan dan sebagainya kepada pelancong. Hal ini sekaligus dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan dapat mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat umum terutama kepada penduduk setempat.

Berdasarkan kajian yang dijalankan di kawasan Jejak Warisan yang ada di Daerah Bachok, Kelantan ini dapati pembangunan pelancongan di kawasan-kawasan ini perlu

dilakukan secara terancang dan perlu mempertingkatkan lagi ramai kedatangan pelancong dalam negara mahupun luar negara. Hal ini kerjasama dari pihak-pihak berkepentingan dan komuniti setempat perlu memainkan peranan yang penting untuk menjadikan kawasan Jejak Warisan ini pilihan pertama pelancong untuk kunjungi. Oleh itu, dengan kaedah promosi yang dilakukan perlulah diperluaskan dan dilakukan secara berkala untuk memastikan kawasan-kawasan ini menjadi tarikan masyarakat umum.

Akhir sekali, melalui kajian ini pengkaji dapat mengenalpasti kawasan yang menjadi spot untuk dijadikan kawasan Jejak Warisan di Daerah itu serta dapat mengenalpasti potensi yang ada pada setiap kawasan Jejak Warisan itu untuk dijadikan sebagai sebuah kawasan pelancongan warisan. Selain itu juga melalui kajian ini dapat mengetahui bagaimana kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap kawasan pelancongan warisan ini.

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab yang terakhir dalam projek penyelidikan mengenai kajian jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, Kelantan yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Di dalam bab ini juga perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Terdapat tiga topik yang akan dibincangkan atau dihuraikan dalam bab ini iaitu mengenai perbincangan, cadangan dan kesimpulan. Selarasa dengan objektif kajian pengkaji dapat membincangkan mengenai dapatan kajian yang akan disertakan beberapa cadangan. Cadangan yang dikemukakan ini adalah berkenaan dengan objektif kajian iaitu mengenai jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok, potensi pelancongan yang terdapat di kawasan tersebut dan kesan ekonomi masyarakat setempat terhadap kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok. Setelah kesemua perbincangan dan cadangan untuk dapatan kajian dilakukan, maka pengkaji akan menyimpulkan data mengenai dapatan kajian di bahagian kesimpulan sekali gus melengkapkan kesemua objektif kajian yang dicadangkan.

5.2 Perbincangan Mengenai Jejak Warisan Yang Terdapat di Daerah Bachok

Daerah Bachok ini terdapat banyak kawasan-kawasan yang boleh disenaraikan dibawah kawasan jejak warisan. Ini kerana kawasan-kawasan ini memiliki sejarah tersendiri yang membolehkan sesuatu kawasan itu memiliki nilai warisan yang ada pada zaman dahulu. Kawasan-kawasan ini juga berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan warisan yang dimana ia membolehkan memartabatkan nilai estetika dan nilai warisan di negeri Kelantan. Kawasan-kawasan ini jelas memaparkan bahawa satu kawasan itu memiliki nilai warisan yang berbeza dengan kawasan yang lain. Oleh itu, pemeliharaan kawasan-kawasan ini perlu dilakukan bagi mengekalkan nilai warisan yang ada untuk memastikan pengunjung sering berkunjung ke daerah Bachok.

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terhadap kawasan jejak warisan ini, pengkaji dapat melihat kawasan jejak warisan ini bukan sahaja merangkumi kepada kawasan pinggir pantai alam semulajadi ataupun kraftangan tetapi ia juga merangkumi kepada kawasan makanan tradisional yang dipamerkan kepada pengunjung hidangan yang terdapat di negeri Kelantan. Antara kawasan jejak warisan yang boleh disenaraikan adalah seperti elemen pelancongan kraftangan seperti pondok Akademi Nik Rasiddin. Selain itu, kawasan yang popular di Bachok adalah kawasan pinggir pantai seperti Pantai Melawi, Pantai Senok, Pantai Kemayang, Pantai Irama, Pantai Kemasin dan Pantai Kandis. Seterusnya, kawasan nilai budaya atau sejarah warisan seperti Kuala Kubu Gel, Bukit Marak dan Kubu Jepun di Melawi serta keaslian industri pembuatan tradisional yang menawarkan perusahaan budu, perusahaan atap singgora , perusahaan ikan kering dan sebagainya.

Kawasan jejak warisan ini masih terdapat ramai pengunjung yang mengunjungi oleh kerana terdapat beberapa keistimewaan unik dan menarik yang membuatkan pengunjung sering mengunjunginya. Oleh itu, kawasan-kawasan seperti ini perlu di pelihara dan di pulihara untuk memastikan kawasan ini dapat mengekalkan lagi nilai estetika dan nilai warisan yang ada walaupun menghadapi banyak peredaran teknologi yang canggih yang dapat menghakis sebahagian kawasan warisan ini.

5.3 Perbincangan Mengenai Potensi Pelancongan Yang Terdapat di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok

Kawasan jejak warisan yang boleh menjadi potensi untuk dijadikan kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini oleh kerana ia akan dilihat bagaimana satu kawasan itu sesuai untuk dijadikan kawasan pelancongan dengan keindahan persekitaran yang menjadi faktor utama dalam menarik minat pelancong untuk melancong di daerah Bachok. Hal ini dapat dilihat apabila kebanyakan kawasan yang tersenarai menjadi jejak warisan di daerah Bachok ini lebih mengfokuskan kepada keindahan persekitaran alam semulajadi seperti pinggir pantai dan bukit-bukit. Namun terdapat juga kegiatan kraftangan dan makanan tradisional yang menjadi salah satu faktor mengapa pelancong sering berkunjung ke Bachok.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji melalui temu bual yang dilakukan ini dapat dilihat bahawa rata-rata pendapat mereka ia bersetuju melihat kawasan Kuala Kubu Gel ini menjadi kawasan yang utama dalam membangunkan kawasan ini sebagai tapak warisan. Ini kerana kebanyakan kawasan ini ia mempunyai sejarah tersendiri dan nilai sentimental. Oleh itu, setiap proses dalam mengendalikan kawasan itu berpotensi ia memerlukan peruntukkan yang banyak bagi memelihara dan memulihara kawasan itu agak tidak terbiar. Sesetengah pihak memainkan peranan dan bekerjasama dalam menjaga kawasan serta menaiktarafkan kawasan itu sebagai kawasan pelancongan warisan.

Hal ini jelas dilihat apabila daerah Bachok ini dilihat terdapat banyak kawasan yang jejak warisan yang perlu dijaga oleh kerana ia mempunyai nilai warisan negeri Kelantan yang tidak dipunyai dimana-mana. Oleh itu, kawasan jejak warisan ini layak dijaga sepenuhnya dan sentiasa melakukan penambahbaikan untuk memastikan kawasan tersebut tidak terbiar. Maka, setiap kawasan Jejak Warisan yang telah disenaraikan itu harus memiliki untuk menjaga dan memelihara sebaik mungkin untuk mengekalkan kawasan itu.

5.4 Perbincangan Mengenai Kesan Ekonomi Masyarakat Setempat Terhadap Jejak Warisan Yang Ada di Daerah Bachok

Industri pelancongan ini tidak lari dengan kegiatan ekonomi daripada masyarakat atau komuniti di sekitar kawasan pelancongan itu. Pelancongan ini mereka salah satu penyumbang utama dalam meningkatkan pendapatan negara. Oleh itu melalui pelancongan ini juga ia sekaligus memberi kesan terhadap sosioekonomi masyarakat setempat itu. Kawasan Jejak Warisan di Bachok ini memiliki nilai tersendiri dan ianya merupakan kawasan yang strategik untuk memberikan kelebihan kepada penduduk setempat dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Ini boleh dilihat kawasan-kawasan jejak warisan ini hanya berdekatan dengan kawasan perkampungan di daerah itu yang membantu lagi komuniti dalam menjalankan aktiviti ekonomi. Terutamanya di daerah Bachok ini yang berdekatan dengan pinggir pantai yang menjadikan salah satu faktor yang dapat menyumbangkan kegiatan ekonomi masyarakat. Kegiatan ekonomi ini mengfokuskan kepada kedatangan pelancong dari dalam dan luar negara ini menjadikan keuntungan kepada negara Malayisa.

Berdasarkan kajian soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa setiap kawasan Jejak Warisan ini yang disenaraikan ini dapat membantu masyarakat setempat di kawasan itu menjana pendapatan mereka melalui perniagaan kecil-kecilan yang

dilakukannya. Selain itu, ianya juga dapat membuka atau menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti yang lain. Melalui penyediaan fasiliti dan kemudahan yang ada di kawasan Jejak Warisan ini juga menjadi salah satu penyumbang yang besar dimana ia menjadi fokus utama kepada pelancong untuk memilih keselesaan semasa melancong.

Melalui kajian ini dapat lihat bahawa kawasan Jejak Warisan ini sedikit sebanyak ianya memberi kesan ekonomi kepada masyarakat setempat oleh kerana kebanyakan kawasan yang disenaraikan ini berada di persekitaran komuniti di daerah Bachok. Oleh itu, sekali gus ia menjadi kesan kepada masyarakat disitu untuk menjana pendapatan mereka dan memperkembangkan lagi perniagaan yang sedia ada.

5.5 Rumusan

Hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian mengenai Jejak Warisan yang terdapat di daerah Bachok Kelantan yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat adalah berhasil dan berkesan. Melalui temubual yang dijalankan terhadap responden, kaedah ini sangat berkesan untuk pengkaji mendapatkan segala maklumat untuk ketiga-tiga objektif kajian. Temubual yang dijalankan ke atas komuniti di daerah Bachok ini memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan Jejak Warisan yang ada di daerah Bachok tersebut.

Seterusnya, dapat dirumuskan lagi dalam analisis yang dilakukan dalam bab 4 mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhannya masih ada lagi kekurangan dari segi mengenalpasti kawasan Jejak Warisan yang ada di daerah Bachok yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Hal ini mendorong pengkaji untuk memperluaskan mengenai kawasan Jejak warisan yang dapat memberi kesan kepada ekonomi

masyarakat dan kawasan ini mampu dijadikan sebagai aset pelancongan warisan di negara ini. Oleh itu, kawasan seperti ini perlu dipelihara sebaik mungkin dan mengekalkan nilai warisan yang ada.

Kajian ini telah melihat secara menyeluruh mengenai pandangan-pandangan daripada pelbagai pihak serta responden dalam kajian yang berkaitan dengan kawasan Jejak warisan serta kesan ekonomi terhadap komuniti setempat di daerah Bachok. Hasil kajian mendapati Daerah Bachok ini sememangnya berpotensi untuk dijadikan produk berusurkan pelancongan warisan di negeri Kelantan. Hal ini kerana daerah Bachok pada masa kini menjadi satu pusat pelancongan dari sudut warisan.

5.6 Cadangan

Hasil kajian mendapati bahawa potensi untuk menjadikan kawasan Jejak Warisan di daerah Bachok yang memberi kesan kepada komuniti setempat adalah sangat memberi kesan dan kawasan Jejak warisan perlu dipergiatkan dengan usaha dalam memulihara yang lebih proaktif agar kawasan-kawasan ini dapat diperkenalkan kepada masyarakat serta dapat membantu masyarakat setempat dalam penjanaaan ekonomi mereka. Selain itu, ia juga dapat mengenalpasti potensi yang terdapat di sesuatu kawasan itu untuk dijadikan sebagai salah satu kawasan Jejak Warisan di daerah Bachok. Berikut merupakan beberapa cadangan yang boleh diusulkan dalam kajian ini iaitu:

Setiap kawasan pelancongan yang ada di sekitar kawasan daerah Bachok ini perlu meneliti satu persatu tentang keselesaan pelancong yang melancong ke kawasan tersebut. Ini kerana melalui pemerhatian yang dilakukan kawasan pelancongan yang memiliki fasiliti dan kemudahan yang baik ia memberikan impak positif pada kawasan tersebut. Pengunjung akan memilih untuk berkunjung lagi ke kawasan tersebut oleh kerana keadaan persekitaran di situ bersesuaian dengan tahap keselesaan pengunjung. Sebagai kawasan pelancongan yang baik

ia perlu memiliki dan dilengkapi dengan pelbagai jenis kemudahan dan perkhidmatan untuk pelancong termasuklah dari segi fasiliti penginapan (Riry Zaimora, 2006). Sebagai contoh, di kawasan Taman Negara Pahang, dimana fasiliti penginapannya telah dimasukkan dan diklasifikasikan mempunyai resort empat bintang. Oleh itu, konsep pembangunan, piawaian dan rekabentuk pelbagai kemudahan pelancong seperti tempat pengairan, hotel dan kemudahan pelawat di setiap kawasan pelancongan dipengaruhi oleh keadaan kawasan dan berhubung kait dengan lokasi bangunan, saiz, seni bina, landskap dan nilai kualiti. Oleh itu, dalam kemudahan yang disediakan ini akan memberi kesan kepada pelancong untuk menetapkan destinasi pelancongan mereka oleh kerana ia akan mengenalpasti tarikan dan kemudahan pengangkutan yang bakal disediakan, tempat penginapan yang selesa merupakan langkah seterusnya untuk memastikan penyelesaian semasa melancong.

Pihak kerajaan dan swasta di Malaysia ini sangat memainkan peranan yang penting dalam menarik minat masyarakat di negara untuk menceburi dalam bidang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya di kawasan luar bandar (Zurinah Tahir, et all, 2019). Bidang IKS ini merupakan salah satu sumbangan yang penting kepada pendapatan negara yang boleh melahirkan komuniti usahawan yang berjaya daripada perniagaan kecil-kecilan lagi. Dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ini dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan jurus dapat mereka bentuk dari segi sumber penciptaan penemuan terbaru, teknologi dan invosi. Kebanyakan dalam bidang Indsutri Kecil dan Sederhana (IKS) dimonopoli oleh golongan wanita. Hal ini kerana disebabkan dorongan wanita yang terlibat secara tidak langsung dari segi faktor kos sara hidup yang tinggi, ekonomi negara dan peluang pekerjaan. Hal ini lebih jelas apabila industri pelancongan Jejak Warisan yang ada di daerah Bachok ini boleh dinilai apabila kebanyakan premis perniagaan di sekitar kawasan situ kebanyakannya dimonopoli oleh golongan wanita. Sedikit sebanyak perniagaan yang dijalankan ini akan memberikan kesan kepada mereka terutamanya dalam ekonomi komuniti di sekitar itu. Kebanyakan di

kawasan di sekitar pinggir pantai memperlihatkan banyaknya premis dan gerai yang menjual dan fokus mereka terutamanya adalah golongan pengunjung yang hadir disitu. Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ini dapat menstabilkan pendapatan komuniti di sekitar itu dengan perniagaan yang dilakukan tidak kira dari segi produk makanan mahupun produk kraftangan. Oleh itu, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ini memberikan ruang dan peluang kepada golongan wanita untuk menceburi dalam bidang perniagaan untuk meningkatkan pendapatan, ekonomi dan kualiti hidup golongan mereka.

Laluan warisan atau jejak warisan ini merupakan laluan pejalan kaki dan laluan memandu di dalam persekitaran bandar dan luar bandar yang akan dikenal pasti melalui papan tanda atau buku panduan yang berkaitan dengan warisan budaya. Jejak warisan ini adalah satu cara untuk menemui kekayaan negara dari segi warisan yang ianya mempunyai sumbangan dalam pembangunan sejarah dan penglibatan komuniti di sekitar itu. Laluan warisan atau jejak warisan ini adalah program untuk mengalakkan orang ramai untuk memulihara bandar dengan kerjasama daripada komuniti setempat. Jejak warisan Kuala Lumpur yang dilaksanakan untuk merangkumi sejarah tentang keseluruhan 353 lokasi yang dapat dibaca melalui papan tanda digital (Aini Mawai, 2020). Sebagai contoh kawasan-kawasan ini akan dilengkapi dengan logo yang mengikut tema yang dimana akan menunjukkan lokasi tersebut sebagai sebuah laluan bersejarah malah pengunjung berpeluang untuk mengetahui kisah sejarah di kawasan berkenaan.

Oleh itu, dengan laluan jejak warisan yang dilakukan ini akan memberikan gambaran kepada pengunjung untuk mengetahui dan memperkenalkan lokasi-lokasi bersejarah dan juga bangunan bersejarah yang ada. Melalui laluan jejak warisan ini sedikit sebanyak dapat memudahkan pengunjung untuk mengunjungi ke kawasan daerah Bachok ini yang telah disenaraikan mengikut kategori kawasan tersebut. Maka, ini jelas menampakkan bahawa laluan kawasan ini memberikan gambaran kepada pengunjung untuk mengunjungi dengan

menggunakan “brosur” atau peta yang dilengkapi dengan pelbagai kawasan sejarah yang ada di daerah Bachok ini. Hal ini sekali gus memudahkan pengunjung untuk merancang perjalanan ke suatu kawasan dan tidak mengambil masa yang lama.

5.7 Penutup

Hal ini kajian secara keseluruhannya telah berjaya mengenalpasti kawasan Jejak Warisan di daerah Bachok yang memberi kesan ekonomi kepada masyarakat setempat. Kawasan Jejak Warisan yang berada di daerah Bachok ini masih perlu dipelihara dan dijaga justeru pelbagai usaha penyelenggaraan telah dibuat. Tambahan pula, kawasan-kawasan Jejak Warisan ini memainkan peranan penting dalam mengembangkan ekonomi masyarakat setempat dengan adanya kedatangan pelancong-pelancong dalam dan luar negara. Pelancongan juga merupakan salah satu aset yang berharga dalam negara kerana ia adalah salah satu industri yang meningkatkan pendapatan negara. Pelancongan warisan ini juga merupakan salah satu kategori pelancongan yang mempunyai komponen yang utama yang dapat dibezakan dengan negara luar. Setiap warisan yang diwarisi oleh nenek moyang kepada generasi sekarang perlulah dihargai, dipelihara dan dipelihara sebaik mungkin. Kawasan warisan juga perlu dijaga oleh kerana ia merangkumi penjagaan alam sekitar dan alam semula jadi di negara ini. Oleh itu setiap warisan yang ada di dalam negara ini perlulah di jaga sepenuhnya bagi mengekalkan identiti negara kepada masyarakat luar.

Selain itu, kajian ini juga dijalankan bertujuan untuk memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang kawasan Bachok ini memiliki pelbagai jenis pelancongan warisan yang mempunyai nilai estetik dan unik. Kawasan-kawasan yang disenaraikan menjadi kawasan jejak warisan ini akan lebih ternilai apabila kebanyakan pengunjung yang mengunjungi ke kawasan itu lebih menghargai nilai yang ada di kawasan itu. Selain itu, spot-spot kawasan jejak warisan yang telah disenaraikan ini akan menjadi satu peluang kepada komuniti untuk

meningkatkan pendapatan mereka melalui hasil jualan produk kraftangan atau produk makanan yang hanya terdapat di daerah Bachok. Kajian ini dapat menerangkan atau memberi gambaran kepada masyarakat mengenai keunikan atau keistimewaan satu kawasan jejak warian itu yang mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Oleh itu, khazanah warisan yang ada ini perlu dipelihara dengan sebaik mungkin agar tidak lapuk dek zaman.

Oleh yang demikian, semua pihak perlu berganding bahu dalam memastikan negara Malaysia sebagai satu tempat pilihan untuk pengunjung memilih lokasi pelancongan. Pihak kerajaan terutamanya memainkan peranan yang penting untuk sentiasa mempergiatkan dalam aktiviti mempromosikan Malaysia secara kerap agar Malaysia lebih dikenali. Selain pihak kerajaan, komuniti setempat juga memainkan peranan penting dalam memberikan sumbangan yang besar dalam memperhebatkan kawasan di daerah Bachok ini sebagai sebuah destinasi pelancongan yang bertaraf antarabangsa. Seterusnya, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan juga perlu dilakukan kerana ia menjadi salah satu penyumbang besar dalam kelestarian sesebuah produk warisan itu dinikmati dan dilihat untuk generasi akan datang.

gambar semasa sesi pemerhatian dijalankan di kawasan kajian.

RUJUKAN

- Asri, M., Lyndon, N., Kunci, K., Pelancongan, Bandar, L., Komuniti, S., Komuniti, P., & Komuniti, I. (2021). Impak penglibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan luarbandar (The Impact of Community Involvement in Rural Tourism Development). *Special Issue, 18(2)*. <http://journalarticle.ukm.my/16945/1/46766-151075-1-SM.pdf>
- Di, A., Bujang, L., Isu, Dilema, D., Cabaran, F., Abdullah, A., Jusoh, Nasir, N., & Ramli, Z. (2016). (Print) XXXX-XXXX (Online) Diterbitkan oleh Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. 29(2), 15–22. <http://journalarticle.ukm.my/13468/1/167-243-1-PB.pdf>
- DEFINISI, D. (2022). Encyclopedia-Titanica.com. <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-patrimonio>
- Heritage trail | Meaning & Definition for UK English | Lexico.com. (2016). Lexico Dictionaries | English. https://www.lexico.com/definition/heritage_trail
- Halim, N., Choy, E., Adam, J., Afiq, M., Juhari, A., Norhafizah, S., Tarmidzi, A., Sosial, P., Persekitaran, D., Fakulti, S., Sosial, D., Kemanusiaan, U., Kebangsaan Malaysia, Penyelidikan, P., Fraser, B., Sains, F., & Teknologi. (n.d.). *Potensi pelancongan di Matu-Daro, Sarawak: Persepsi komuniti lokal*. Retrieved April 4, 2022, from <http://journalarticle.ukm.my/5846/1/2ok.geografia-dis%25202012-Nadiah-er-edam.pdf>
- HASHIM, R. (2021, January 17). *Wartakan tempat bersejarah sebagai warisan: MB Kedah*. Sinarharian; sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/119507/EDISI/Wartakan-tempat-bersejarah-sebagai-warisan-MB-Kedah>
- Jaafar, M., Dahalan, N., Hassan, F., & Suffarruddin, S. H. (2019). Heritage Tourism Trail Development in Kampung Luat, Perak: A Case Study. *Journal of KATHA, 15(1)*, 66–88. <https://doi.org/10.22452/katha.vol15no1.4>
- Industri pelancongan di Malaysia*. (2016, August 19). Industri pelancongan di malaysia; industri pelancongan di malaysia. <https://tourismahmadzamane.wordpress.com/>
- Kong teck sieng, & oliver valentine eboy. (2021). Pemetaan jejak warisan untuk tujuan pelancongan lestari menggunakan gis di tambunan. *Jurnal Kinabalu, 57–80*. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.3648>

- Langkah-Langkah Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Warisan Sejarah.* (2014, December 14). SUN SURIA; SUN SURIA. <https://sunsuria.wordpress.com/2014/12/14/langkah-langkah-pemeliharaan-dan-pemuliharaan-warisan-sejarah/>
- Melayu, K., Tioman, P., Isu, Cabaran, D., Konteks, D., Pelancongan, P., Yahaya, I., Pusat, P., Sosial, Fakulti, P., Sosial, S., & Kemanusiaan, D. (n.d.). <http://journalarticle.ukm.my/2965/1/1.pdf>
- Norzaini Azman, Sharina Abdul Halim, Ibrahim Komoo, & Amir, R. (2010). *Pendidikan Awam untuk Pemuliharaan Warisan: Kajian Kes Langkawi Geopark.* ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/282182837_Pendidikan_Awam_untuk_Pemuliharaan_Warisan_Kajian_Kes_Langkawi_Geopark
- Noranira Binti Maamin, N., Pelancongan, J., Politeknik, H., Binti, N., & Ariffin, M. (n.d.). *Kajian potensi kampung parit baru baroh sebagai agro pelancongan A Potential Study of Kampung Parit Baru Baroh as Agro Tourism.* Retrieved April 4, 2022, from <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2022/03/IR21-A23-NORANIRA-BINTI-MAAMIN-8TH-IRMIC-2021.pdf>
- Prosiding, & Vii. (2012). Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII) Pembangunan Pelancongan Kuala Kedah untuk “Semua”: Kriteria dan Tanda Aras Kelestarian untuk Pertimbangan. *JILID, 1*, 611–626. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_2E3.pdf
- Persepsi pelancong terhadap pelancongan kesejahteraan (kajian kes: kuala lumpur dan johorbahru)* Noor Azrina Bt Ithnin. (n.d.). <http://eprints.utm.my/id/eprint/5890/1/NoorAzrinaMFAB2008.pdf>
- Prosiding, & Viii. (2013). Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) “Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju” Impak Pembangunan Industri Perlancongan Kepada Komuniti di Pulau Langkawi. *JILID, 1*, 207–216. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1D5.pdf
- Saiful Bahari. (2019, March 6). *Ekopelancongan dan impak kepada Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar.* Majalah Sains | Sains & Teknologi Untuk Masyarakat. <https://www.majalahsains.com/ekopelancongan-dan-impak-kepada-ekonomi-sosial-dan-alam-sekitar/>

- Siti Norsakira Mohamed, & Rose,. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan - UKM Journal Article Repository. *Journalarticle.ukm.my*.
<https://doi.org/http://journalarticle.ukm.my/12588/1/23454-69427-1-PB.pdf>
- Shaik, & Norazni Syaripudin. (2016, September 7). *Persepsi penduduk tempatan terhadap impak pembangunan ekopelancongan di semporna, sabah*. ResearchGate; unknown.
<https://www.researchgate.net/publication/318352036> PERSEPSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP IMPAK PEMBANGUNAN EKOPELANCONGAN DI SEMPORNA SABAH
- View of Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George Town, Pulau Pinang: Perspektif Peniaga dan Pelancong Tempatan*. (2022). Upsi.edu.my.
<http://ojs.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/2062/1496>
- View of pemetaan jejak warisan untuk tujuan pelancongan lestari menggunakan gis ditambunan* (2022). Ums. edu.my.
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/3648/2400>
- Zainuddin Zidene. (2021). *jejak warisan sandakan*. Academia.edu.
https://www.academia.edu/6819212/jejak_warisan_sandakan
- (2022). Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dbkl-kenal-pasti-tapak-bangunan-jadi-spot-jejak-warisan-kl-252714>

LAMPIRAN



Temubual bersama responden A iaitu En. Muhammad Zainuddin B. Abdullah



Temubual bersama responden B iaitu En. Wan
Hafidzullah Bin Wan Yusoff



Temubual bersama responden C iaitu En.
Zuhairee Bin Zulkifli



Temubual Bersama responden D iaitu En.
Nordin

LAMPIRAN

SOALAN TEMUBUAL

Kajian Jejak Warisan Yang Terdapat Di Daerah Bachok, Kelantan Yang Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat.

Soalan Temu Bual

OBJEKTIF 1: Jejak Warisan Yang Terdapat Di Daerah Bachok

- 1) Kawasan di daerah Bachok ini memiliki banyak tempat pelancongan yang berasaskan alam semulajadi yang mempunyai unsur-unsur warisan, jadi boleh tuan/ puan berkongsi apakah kawasan yang boleh disenaraikan di bawah kawasan jejak warisan yang terdapat di daerah Bachok?
- 2) Selain daripada tempat semulajadi, apakah terdapat jejak warisan yang berbentuk tempat pembuatan makanan tradisional yang terdapat di Bachok. Dimana dan nyatakan jenis makanan tradisional tersebut?
- 3) Kawasan pelancongan ini sering mendapat perhatian dari pengunjung dalam negara dan luar negara, boleh saya tahu bagi setiap kawasan jejak warisan yang ada di daerah Bachok ini berapa ramai bilangan pengunjung ke tapak jejak warisan yang tuan/ puan senarai tadi dalam sehari?
- 4) Apakah keistimewaan yang ada di kawasan jejak warisan tadi yang boleh membuatkan pengunjung sering berkunjung ke tempat tersebut?
- 5) Setiap kawasan yang memiliki nilai warisan ini akan memberi banyak sumbangan dalam bidang pelancongan kepada negara, apakah jangka hayat yang boleh diminimakan untuk kawasan jejak warisan ini kekal sehingga ke generasi akan datang?

LAMPIRAN

OBJEKTIF 2: Potensi Pelancongan Yang Terdapat Di Kawasan Jejak Warisan di Daerah Bachok

- 1) Jika kawasan jejak warisan di daerah Bachok ini memiliki kekayaan alam semulajadi maka adalah setiap kawasan ini memiliki potensi untuk tersenarai sebagai tapak warisan dunia (UNESCO)?
- 2) Adakah pihak tuan/ puan telah membuat beberapa cara penambahbaikan fasiliti di kawasan jejak warisan ini bagi menarik lebih banyak tarikan pelancong mahupun dalam dan di luar negara?
- 3) Bagi pihak tuan/ puan apakah cara pemuliharaan yang perlu dilakukan bagi mengekalkan lagi kawasan jejak warisan ini agar dapat memberi lebih banyak sumbangan dalam industri pelancongan?
- 4) Dalam usaha bagi memulihara kawasan jejak warisan di daerah Bachok ini, adakah sesetengah pihak memberikan peruntukan dalam melakukan penyelenggaraan kawasan jejak warisan?
- 5) Bagaimana cara pihak tuan/ puan membuat kaedah promosi kawasan jejak warisan ini kepada golongan masyarakat untuk mengetahui kawasan pelancongan warisan yang terdapat di daerah Bachok?

LAMPIRAN

BORANG SOAL SELIDIK

Kajian Jejak Warisan Yang Terdapat Di Daerah Bachok, Kelantan Yang Memberi Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat.

BAHAGIAN A: MAKLUMAT RESPONDEN

1. Jantina

Lelaki	
Perempuan	

2. Umur

18 – 29 tahun	
30 – 40 tahun	
41 – 50 tahun	
51 tahun ke atas	

3. Bangsa

Melayu	
Cina	
India	
Dan Lain-lain	

LAMPIRAN

4. Status

Bujang	
Berkahwin	
Duda/ Janda	

5. Taraf Pendidikan

Sekolah Rendah	
Sekolah Menengah	
Diploma	
Ijazah	
Master	
Phd	

6. Pekerjaan

Kerajaan	
Swasta	
Bekerja Sendiri	
Tidak Bekerja	
Pelajar	

LAMPIRAN

BAHAGIAN B: KESAN EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT TERHADAP JEJAK WARISAN YANG ADA DI DAERAH BACHOK

1. Aktiviti pelancongan di daerah Bachok ini mampu meningkatkan pendapatan penduduk setempat.
 - Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju

2. Kawasan pelancongan yang 117trategic dapat memberikan kelebihan kepada penduduk setempat untuk menjalankan aktiviti jual beli.
 - Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju

3. Kawasan pantai yang terdapat di daerah Bachok ini menyumbangkan kepada peningkatan kegiatan pelancongan.
 - Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju

LAMPIRAN

4. Kedatangan pelancong dalam negara dan luar negara dapat meningkatkan pendapatan komuniti di sekitar daerah Bachok.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju
5. Industri pelancongan yang terdapat di Bachok dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju
6. Produk ekopelancongan yang terdapat di Bachok menjadi tarikan utama kepada pelancong untuk melancong.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju

LAMPIRAN


7. Kemudahan pengangkutan dan penginapan yang disediakan kepada pelancong dapat meningkatkan pendapatan komuniti setempat.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju
8. Produk pelancongan warisan yang unik dapat membuatkan pelancong memilih untuk berkunjung ke Bachok.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju
9. Nilai sejarah yang terdapat pada setiap kawasan pelancongan di Bachok ini menjadi punca utama pelancong memilih untuk melancong ke Bachok.
- Sangat Tidak Setuju
 - Tidak Setuju
 - Sederhana Setuju
 - Setuju
 - Sangat Setuju

10. Produk kraftangan yang dihasilkan oleh penduduk setempat juga menjadi salah satu faktor sumbangan dalam peningkatan pendapatan komuniti di Bachok.


- Sangat Tidak Setuju
- Tidak Setuju
- Sederhana Setuju
- Setuju
- Sangat Setuju



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN




UNIVERSITI

MALAYSIA


KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



UNIVERSITI




MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA




KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN